

**Jilid I  
Bil. 77**



**Hari Khamis  
27hb Oktober, 1983**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 10973]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 11018]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 11018]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO  
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.  
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,  
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,  
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSHAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Khamis, 27hb Oktober, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*  
*perkerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BACI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua dengan izin, soalan pertama.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 24 (2) itu telah pun dipinda.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Apabila habis semua soalan, nombor itu naik baliklah.

**Tuan Yang Dipertua:** Tidak apa, dia akan naik cara automatik.

JALAN RAYA TIMUR-BARAT—  
KEROSAKAN

2. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Kerja Raya sama ada beliau sedar bahawa beberapa bahagian di sepanjang Jalan Raya Timur-Barat telah dirosak oleh hujan dan runtuh tanah. Adakah ini disebabkan oleh kerja pembinaan yang bermutu rendah. Apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh

Kementerian untuk memperbaiki keadaan. Apakah implikasi-implikasi kewangan. Adakah Kementerian bercadang untuk mengutip bayaran tol pada suatu hari kelak.

**Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang Dipertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu suka saya jelaskan bahawa Lebuhraya Timur-Barat masih lagi dalam kerja-kerja pembinaan dan belum siap sepenuhnya. Walau bagaimanapun, setelah diberi pertimbangan ianya telah dibuka atas kepentingan umum. Dalam keadaan pembinaan ini, kerosakan dan keruntuhan tanah yang berlaku bukanlah disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan yang bermutu rendah, akan tetapi ianya adalah akibat dari belum kepadatan dan kestabilan tanah.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat ketahui, pembinaan lebuhraya ini menghadapi kesukaran oleh kerana ianya terpaksa melalui gunung-gunung yang tinggi dan gaung-gaung yang dalam. Pembinaan lebuhraya ini melibatkan kerja-kerja pemotongan lereng gunung yang dalam (deep cut) dan penimbusan tanah yang tinggi (higher embankment).

Dalam peringkat pembinaan seterusnya Kementerian saya telah menjalankan kerja-kerja berikut:

- (1) membina perparitan di atas permukaan tanah (surface drainage) dan juga di bawah tanah (sub-soil drainage);
- (2) menanam rumput (topping surface) di tebing-tebing dan di bahu-bahu jalan;

- (3) memotong tebing-tebing bagi mengurangkan kecuraman;
- (4) membina tembok-tembok dan dinding (gabion); dan
- (5) melakukan pengawasan dan pembersihan parit dan jalan dengan lebih rapi.

Adalah dijangka kerja-kerja tersebut dapat menghindarkan berlakunya kerosakan jalan, keruntuhan tanah di masa akan datang. Kos-kos kerja membaik pulih (rehabilitation work) sepanjang lebuh raya ini adalah dianggarkan lebih kurang \$36 juta. Buat masa sekarang ini Kementerian saya belum bercadang untuk mengenakan bayaran tol di lebuh raya berkenaan, tetapi ini ada dalam pertimbangan.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan dari Yang Berhormat Menteri tadi beliau ada mengatakan sebabnya kerosakan jalan raya itu diakibatkan oleh ketidak stabilan tanah dan sebagainya. Ini adalah satu sebab yang diberikan oleh pihak Kementerian apabila masalah yang serupa terjadi di Seremban Expressway.

Saya hendak bertanya kenapa masalah ini tidak boleh disengajakan sebelum jalan raya dibina. Sekarang dari jawapan Yang Berhormat Menteri tadi \$36 juta akan dibelanjakan untuk membaiki keadaan ini. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri kenapa sebelum jalan raya dibina semua kajian tidak boleh dijalankan sebelum masalah timbul.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang Dipertua, mengikut sejarah memperbaiki jalan atau membina jalan-jalan raya di seluruh dunia ini manusia belum adakan satu cara yang mana kita boleh menentukan soil condition. Mengikuti soil condition walaupun kita ada ujian tanah, apabila

kita uji tanah bukanlah kita kira 1 kaki pun kita uji, kita uji tanahnya 50 kaki sekali atau 5 rantai sekali atau 1 batu sekali apabila kita membuat pembinaan jalan raya seperti ini. Walau bagaimanapun, kejadian ini bukanlah berlaku di Seremban dan juga di Negeri Kelantan dan Perak, tetapi di seluruh dunia.

Saya telah memberi keterangan dalam Dewan yang mulia ini, ini telah berlaku di Amerika Syarikat, di Jepun, di France dan juga di negeri-negeri yang lain. Mengikut keadaan itu, saya harap apa yang berlaku di Jalan Raya Timut-Barat bukanlah luar dari kebiasaan.

**Tuan Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri kerosakan yang timbul ini disebabkan kerana jalan itu dipergunakan sebelum masanya tanah itu mantap. Jadi, kenapa jalan itu dibina sebelum tanah itu mendak dan mantap dan selain daripada itu kenapa jalan itu digunakan sebelum masanya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang Dipertua, kejadian ini bukanlah berlaku di seluruh jalan Lebuh Raya Timur Barat, ada juga di satu dua tempat belum kita dapat kestabilan yang penuh. Saya harap masa depan kita boleh jugalah mengatasi masalah ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sebagaimana yang beliau kata tadi bahawa jalan ini telah pun digunakan dan memang banyak lori-lori dan bas-bas telah mengguna jalan ini. Oleh kerana kerosakan-kerosakan yang berlaku itu juga menyebabkan merbahaya, selain daripada itu tanda-tanda jalan tidak diadakan. Jadi, untuk mengelakkan bahaya daripada tanah runtuh dan juga daripada segala-galanya, adakah Kementerian bercadang untuk

mengadakan tanda-tanda jalan dan line-line di tempat selekoh (corner) di jalan lebu raya tersebut.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang Dipertua, pembinaan lebu raya adalah tiga peringkat.

Peringkat yang pertama iaitu engineering studies dan juga pembinaan jalan.

Yang kedua, stabilisation.

Yang ketiga ialah road cosmetics. Road cosmeticslah yang mana kita akan mengadakan papan tanda dan lain-lain. Walaupun kita sudah siap dua peringkat, peringkat yang terakhir ialah road cosmetics, kerja-kerja ini sedang dijalankan sekarang.

**Tuan Yang Dipertua:** Road Cosmetics itu apa dia?

**Dato' S. Samy Vellu:** Road Cosmetics, Tuan Yang Dipertua, mengindahkan jalan, mengadakan papan tanda, menunjukkan kepada drebar-drebar adakah merbahaya di atas jalan dan lain-lain. Inilah road cosmetics seperti apa yang budak-budak perempuan pakai cosmetics (*Ketawa*) kita pun ikuti jalan kita nampak road cosmetics, mengikut cara engineering.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan perghabisan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan semasa menjawab soalan asal berkenaan dengan kerosakan jalan ada lima kaedah atau cara yang telah dibuat di antaranya membina perparitan, menanam rumput dan sebagainya.

Saya ingin bertanya adakah langkah-langkah ini diambil atau dilakukan setelah berlaku kerosakan ataupun memang sudah menjadi

kebiasaan sistem menanam rumput perparitan ini dibuat serentak dengan rancangan jalan yang dibina?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang Dipertua, seperti apa yang saya kata tadi dalam peringkat rekabentuk kita sudahpun ada semua syarat-syarat ini untuk menjalani apabila kita mengikut kontrak tetapi apa saya saksikan di Lebu Raya Timur Barat itu walaupun kita sudah membina semua langkah-langkah dan juga tindakan-tindakan untuk menjaga kebaikan jalan itu tetapi keadaan itu telah dapat dirosakkan oleh lori-lori balak di tempat-tempat mana kita menghadapi masalah sekarang. Sebab itu jugalah saya sekarang merancang untuk mengadakan satu undang-undang baru yang mana kita akan meminda Akta yang ada sekarang yang mana kita kenakan denda kepada lori-lori itu.

### BAHASA KEBANGSAAN DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA/TAMIL

**3. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandang bahawa peratus kelulusan matapelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan Darjah 5 adalah sangat rendah di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, adakah Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa penyelidikan untuk mengetahui sebab-sebabnya. Jika ada, apakah sebab-sebabnya dan apakah langkah-langkah pihak Kementerian akan diambil untuk memperbaiki mutu pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Jika tidak, adakah Kementerian akan menubuhkan Jawatankuasa ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa peratusan kelulusan matapelajaran Bahasa

Malaysia dalam peperiksaan Darjah 5 adalah rendah di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Ini adalah disebabkan bahawa bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut ialah dalam bahasa ibunda—sekolah Cina menggunakan bahasa Cina dan sekolah Tamil menggunakan bahasa Tamil. Oleh itu sudah pasti taraf kefasihan Bahasa Malaysia bagi murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil tidak begitu tinggi.

Menyedari hakikat tersebut Kementerian Pelajaran memang sentiasa sedia berusaha untuk memberi galakan penggunaan Bahasa Malaysia kepada murid-murid di kedua-dua jenis sekolah tersebut.

Satu usaha yang telah dilaksanakan baru-baru ini ialah mengadakan pertandingan penggunaan Bahasa Malaysia untuk merebut Piala Perpaduan yang telah dijalankan di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di peringkat daerah dan negeri dan tidak lama lagi di peringkat kebangsaan untuk tahun ini.

Adalah diharapkan melalui aktiviti serupa ini murid-murid dan guru-guru di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan akan dapat meninggikan lagi prestasi penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua lapangan.

Baru-baru ini Kementerian Pelajaran pun telah menganjurkan projek-projek percubaan rancangan bacaan Bahasa Malaysia bagi Sekolah-sekolah Rendah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Projek ini akan memberi peluang kepada murid-murid supaya lebih terdedah kepada penggunaan Bahasa Malaysia melalui bacaan.

Kementerian Pelajaran sentiasa menggalakkan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil mengadakan aktiviti-aktiviti

yang boleh menolong memperkayakan lagi penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kekurangan guru-guru yang bermutu serta kekurangan guru semata-mata di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tidak timbul pada masa ini dan kerana itu salah satu faktor yang menyebabkan keturunan mutu peperiksaan itu.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, kekurangan guru-guru yang sekarang dihadapi di sebilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina bukan untuk guru-guru Bahasa Malaysia, untuk guru-guru Bahasa Malaysia kita tidak menghadapi masalah kekurangan guru.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, kalau boleh diizinkan saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu terdapat keadaan sebaliknya pula bagi murid-murid Melayu yang bersekolah di sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang lemah dalam bahasa Cina dan ini menyebabkan mereka itu lemah di dalam matapelajaran yang diajar oleh bahasa Cina.

Kalau sedar, apakah langkah-langkah kita boleh mengatasi masalah ini dan adakah langkah-langkah juga akan diambil untuk memastikan misalnya kelas-kelas tambahan akan diadakan untuk memperbaiki penguasaan bahasa Cina bagi murid-murid Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan juga bagi murid-murid Cina yang lemah dalam bahasa Cina itu sendiri.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya rasa soalan itu tidak bersangkut sungguhpun molek (*Ketawa*).

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah sukatan pelajaran dan kaedah mengajar Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan sama dengan sukatan pelajaran dan juga kaedah mengajar yang digunakan di Sekolah Kebangsaan dan sekiranya ya, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ini mungkin kurang sesuai kerana Bahasa Malaysia bukanlah bahasa ibunda kepada kebanyakan pelajar-pelajar dan juga bukan bahasa pengantar di sekolah-sekolah ini. Selain daripada itu, masa yang diperuntukkan itu kurang. Adakah Kementerian akan meneliti perkara ini dengan tujuan untuk mengubal suatu sukatan pelajaran yang berlainan supaya Bahasa Malaysia dapat diajar dengan lebih berkenaan di sekolah-sekolah ini.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa dari segi sebab-sebab lain masa yang diberi untuk Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah lebih kurang sama dengan masa yang diberi untuk Bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan. Tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, masa yang diberi kepada bahasa pengantar di Sekolah Kebangsaan yakni masa yang diberi untuk Bahasa Malaysia adalah serupa dengan masa yang diberi untuk bahasa Cina atau bahasa Tamil. Dan untuk bahasa kedua dan ketiga, oleh kerana di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ada lagi bahasa Inggeris dan juga Bahasa Malaysia yang juga perlu diberi masa tetapi oleh sebab masa adalah terhad, satu hari hanya 24 jam dan masa untuk bersekolah pula adalah terhad, kita sentiasa cuba mencari cara-cara lain dan baru-baru ini kita telah melaksanakan sistem KBSR atau Kurikulum Baru untuk Sekolah Rendah dan diharap dengan

cara ini kita akan meninggikan lagi taraf bahasa-bahasa di sekolah-sekolah rendah.

#### SYARIKAT-SYARIKAT AGENSI KERAJAAN YANG DITUTUP

**4. Tuan Lee Lam Thye** minta Perusahaan Awam menyatakan bilangan anak syarikat di berbagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan juga agensi-agensi Kementerian seperti UDA dan lain-lain pada akhir September 1983 yang telah diarah supaya ditutup serta menyatakan sebab-sebab penutupan dan kerugian yang dialami, dan apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk membaikpulih jentera pentadbiran di semua anak syarikat yang masih ada sekarang yang telah diamanah supaya melaksana projek-projek sosio-ekonomi di bawah Dasar Ekonomi Baru.

**6. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapakah jumlah anak syarikat-anak syarikat di bawah jagaan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang telah ditutup atas arahan Kerajaan dan berapakah yang telah ditutup atas sebab-sebab pertimbangan dan perakuan pihak pengurusan anak syarikat-anak syarikat secara sendiri;
- (b) adakah semua pegawai dan kakitangan yang cekap telah diserapkan ke mana-mana anak syarikat-anak syarikat lain yang telah maju. Berapa ramai yang telah menyeleweng telah dikenakan tindakan tatatertib;
- (c) apakah Kementerian akan mengkaji semula semua anak syarikat-anak syarikat Perbadanan-perbadanan Kemajuan

Ekonomi Negeri seluruh negara untuk memastikan kecekapan dan kemajuan mereka sentiasa berada di tahap yang menguntungkan; dan

- (d) adakah Y.B. Menteri bercadang akan menimbangakan juga dasar pengswastaan anak-anak syarikat yang kurang berjaya dan yang berjaya dalam strategi mengelakkan penutupan kepada anak syarikat-anak syarikat yang boleh menjejaskan imej Perbadanan Negeri.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang Dipertua, pada pandangan saya terdapat persamaan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang saya akan jawab pada hari ini dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar untuk dijawab pada 28hb November, 1983. Oleh yang demikian, saya mohon izin untuk menjawab jawapan menyeluruh untuk kedua-dua soalan tersebut pada hari ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Baiklah.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua, isu mengenai syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam terutamanya Syarikat-syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPN) dan juga UDA telah beberapa kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dalam sesi Parlimen yang lalu. Satu penjelasan yang panjang lebar mengenai prestasi Syarikat-syarikat PKEN telah juga saya jelaskan dalam sesi Parlimen pada 12hb Mac, 1982 dan juga saya telah menjawab

mengenai syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh UDA pada 11hb November, 1981 yang lalu. Namun demikian, masih ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan isu yang serupa.

Tuan Yang Dipertua, setakat ini sejumlah 616 buah syarikat telah pun ditubuhkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak \$1,421,062,245. Syarikat-syarikat yang ditubuhkan ini adalah juga seperti syarikat-syarikat swasta yang lain yang tertakluk kepada risiko perniagaan tertentu. Oleh yang demikian terdapat syarikat-syarikat yang rugi yang terpaksa ditutup. Sehingga akhir September, 1983 ini terdapat 81 buah syarikat telah ditutup. Daripada jumlah ini 48 buah syarikat adalah milik PKEN, 2 buah syarikat milik PKPN, 30 syarikat milik UDA dan satu syarikat milik Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Jumlah kerugian terkumpul bagi syarikat-syarikat yang tertutup itu adalah sebanyak \$95,127,953.96 termasuk sebanyak \$35,793,795 bagi Syarikat Gula Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun kerugian ini bukanlah merupakan kerugian yang dialami keseluruhannya oleh agensi-agensi tersebut kerana kebanyakan daripada syarikat-syarikat yang ditutup itu adalah juga merupakan syarikat-syarikat yang dijalankan secara usahasama dengan rakan-rakan kongsi yang lain yang mana kerugian adalah ditanggung bersama dengan rakan-rakan kongsi.

Kebanyakan daripada sebab-sebab syarikat-syarikat tersebut ditutup ialah berpunca daripada kerugian yang dialami dan didapati tidak mempunyai potensi dan masa depan yang cerah. Oleh yang demikian, bagi memastikan bahawa wang rakyat tidak terus terbazir oleh kerana syarikat-syarikat yang berkenaan dibiayai melalui modal Kerajaan, maka keputusan perlulah diambil bagi

menutup syarikat-syarikat yang mengalami kerugian dan yang tidak mempunyai potensi itu. Langkah-langkah menutup syarikat tersebut juga meliputi syarikat-syarikat yang belum lagi menjalankan operasinya oleh kerana mengalami masalah dan tidak perlu meneruskan operasi.

Mengenai sebab-sebab kerugian bagi syarikat-syarikat yang ditutup itu, saya telah pun beberapa kali menjelaskannya dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun secara umumnya kerugian tersebut adalah antara lain boleh disimpulkan berpunca daripada beberapa faktor teknikal seperti iklim dan tanah yang tidak sesuai, persaingan pasaran yang hebat dan kelemahan pengurusan serta kurangnya kemahiran untuk mengendalikan syarikat-syarikat tersebut. Syarikat-syarikat itu ditutup setelah dikaji dengan teliti dan didapati bahawa masa depan mereka adalah tidak meyakinkan. Lazimnya dengan penutupan syarikat-syarikat ini pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan syarikat berkenaan dibantu untuk mendapat pekerjaan yang lain. Ada juga yang diambilalih oleh syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan yang lain. Pertimbangan sentiasalah diberi ke atas nasib pegawai dan kakitangan syarikat-syarikat berkenaan supaya mereka tidak mengalami kesukaran berikutan dengan penutupan syarikat-syarikat itu.

Tuan Yang Dipertua, di samping itu, suka juga saya maklumkan bahawa setakat ini belumlah didapati pegawai-pegawai yang menyeleweng sehingga mengakibatkan penutupan syarikat-syarikat. Oleh yang demikian soal tindakan tatatertib di syarikat-syarikat yang ditutup itu adalah tidak berbangkit.

Bagi mengawasi prestasi syarikat-syarikat ini, satu sistem kawalan maklumat pengurusan telah pun diwujudkan di Kementerian dan juga

di pihak syarikat di mana semua agensi-agensi yang mempunyai anak-anak syarikat mengemukakan laporan prestasi syarikat masing-masing bagi tempoh suku tahun dan juga tahunan. Melalui sistem yang menggunakan komputer ini tindakan akan dapat diambil sekiranya syarikat-syarikat tersebut tidak mencapai tahap prestasi seperti yang dirancangkan. Syarikat-syarikat yang mengalami kerugian tetapi mempunyai masa depan yang cerah akan diambil tindakan untuk dibaikpulih. Sekiranya syarikat-syarikat tersebut tidak boleh dipulihkan semula maka Kementerian Perusahaan Awam bersama-sama dengan PKEN-PKEN ataupun agensi-agensi yang berkenaan akan mengambil langkah bersama untuk menutup syarikat-syarikat tersebut daripada membiarkannya terus membuat kerugian yang melibatkan wang rakyat. Di samping itu juga kajian-kajian dibuat ke atas syarikat-syarikat yang mengalami kerugian dengan bantuan perunding tempatan.

Selain daripada itu, Kementerian Perusahaan Awam juga menjalankan kajian pengurusan ke atas syarikat-syarikat yang menghadapi masalah dengan menggunakan kepakaran yang ada di Kementerian. Pada masa ini dengan persetujuan Kerajaan Negeri, kajian telah dan sedang dijalankan ke atas Syarikat-syarikat PKEN Negeri Sembilan. Adalah diharapkan bahawa langkah-langkah yang disebutkan di atas tadi akan dapat membantu memperbaiki prestasi syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian ini.

Berkaitan dengan dasar pengswastaan bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam, suka saya menyatakan bahawa sehingga akhir September, 1983, 74 syarikat termasuk sejumlah 48 buah syarikat PKEN-PKEN telah pun dijual

kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera yang berminat dan mempunyai keyakinan bagi mengendalikan syarikat-syarikat yang berkenaan. Di samping itu terdapat 13 syarikat lagi termasuk 11 syarikat PKEN-PKEN yang telah dipindah milik kepada Perbadanan Nasional Berhad (PNB) selaras dengan dasar pemindahan milik syarikat-syarikat Kerajaan kepada Bumiputera. Agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam akan sentiasa menimbang syor-syor daripada pihak swasta yang ingin mengambilalih syarikat-syarikat yang kurang maju. Setakat ini walau bagaimanapun tidak ternampak minat pihak swasta mengambilalih syarikat yang mengalami kerugian.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri berkenaan menyatakan sama ada anak-anak syarikat berbagai agensi Kerajaan yang telah ditutup itu ada mempunyai hutang. Kalau ada, berapakah jumlah hutangnya dan apakah tindakan Kerajaan akan diambil untuk menyelesaikan hutang ini.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang Dipertua, senarai hutang ini agak panjang sedikit saya rasakan. Kalau hendak saya boleh tulislah. Langkahnya ialah seperti biasa, syarikat itu di mana hutang yang dia berhutang ia sudah tentu dituntut oleh pihak yang berkenaan, tetapi hutang yang dia ada untuk dikutip akan dikutiplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah antara sebab-sebab menyebabkan kerugian atau kegagalan anak-anak syarikat Kerajaan baik pun peringkat negeri atau Persekutuan, ialah oleh kerana ahli-ahli atau wakil-wakil PKEN atau badan-badan berkenaan di syarikat di mana merupakan usahasama dengan sektor swasta, wakil Kerajaan selalu memainkan

peranan, dengan izin, sleeping partner dan tidak tahu menahu apa pengurusan yang berlaku dan ada juga di mana pihak Kerajaan dengan izin, taken for a ride oleh pihak swasta untuk keuntungan sendiri dan bukan usahasama dan apakah tindakan dibuat supaya semua wakil-wakil PKEN dan Kerajaan tertentu dalam badan usahasama sebenarnya tahu apa yang berlaku. Baharu-baharu ini kalau tidak silap Kementerian ada mengeluarkan satu panduan bahawa menghadkan seorang yang boleh menjadi anggota Lembaga Pengarah, kalau tidak silap enam syarikat, dan bukan macam dahulu 20, 30, 40, dan adakah panduan ini dipatuhi oleh semua PKEN di seluruh negara.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang Dipertua, memanglah benar di waktu dahulu-dahulu ada juga perkara-perkara berlaku di mana orang-orang yang kita lantik untuk menjadi wakil-wakil Kerajaan syarikat itu bukan sebenarnya sleeping partner, tetapi tidak begitu mengambil berat tentang apa berlaku di syarikat dan juga oleh kerana pada masa itu tidak banyak daripada syarikat-syarikat ini yang mengadakan sistem laporan maklumat, terutama maklumat prestasi, maklumat kewangan dan sebagainya kepada syarikat induk ataupun kepada agensi seperti PKEN. Dan juga di masa yang lepas memang benarlah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu ada diantara wakil-wakil kita yang menjadi Lembaga Pengarah lebih daripada 20 syarikat, sudah pasti prestasi orang ini tidaklah boleh diharapkan tinggi.

Jadi pada hari ini selain daripada menghadkan keanggotaan mereka dalam mana-mana Lembaga Pengarah Syarikat kepada satu bilangan yang boleh dikendalikannya ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, manageable, dalam lima atau enam mengikut keupayaannya yang mana

saya sendiri menelitinya. Kita juga telah mengadakan beberapa cara-cara atau beberapa panduan untuk wakil-wakil Kerajaan menepati dalam masa mereka duduk sebagai Ahli Lembaga dan saya juga mengadakan mesyuarat dengan mereka secara berkala untuk memberi directives yang baharu, arahan-arahan baharu bagaimana mereka patut menjaga kepentingan rakyat dan Kerajaan di dalam syarikat yang mereka anggotai Lembaga Pengarahnya.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, ada mengatakan bahawa ada anak-anak syarikat yang maju yang ditawarkan kepada pihak swasta, tetapi pihak swasta kurang minat dalam mengambil alih syarikat itu.

Saya hendak tahu, Tuan Yang Dipertua, bagaimanakah caranya pihak Kementerian menawarkan anak syarikatnya yang maju kepada pihak swasta, adakah menerusi iklan dalam akhbar, ataupun tawaran secara direct kepada mana-mana syarikat swasta yang mempunyai minat dalam perniagaan itu.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang Dipertua, agaknya kerana suara saya serak-serak parau ini, Yang Berhormat tidak berapa cam apa yang saya katakan, sebenarnya yang tidak ada minat daripada bumiputera itu ialah yang mengambil alih syarikat yang kurang maju seperti yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Yang maju itu minat sangat, yang tidak maju itu mereka tidak minat. Dan biasanya tidak diiklankan. Kalau mereka itu berminat mereka akan datang negotiate ataupun berunding dengan sama ada Kementerian, dengan saya ataupun dengan agensi yang terlibat.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, apakah garis panduan digunakan untuk pengswastaan 74 buah syarikat?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** (Bangun).

**Tuan Yang Dipertua:** Saya rasa tidak sesuai, tidak berkenaan dengan pertanyaan asal.

## DEMERIT POINTS SYSTEM

**5. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah sistem Kejara (demerit points system) bagi pengguna-pengguna jalan raya ditangguhkan dan bilakah Kementerian bercadang hendak melaksanakan sistem ini memandangkan ramai pemandu-pemandu kenderaan pada masa ini tidak mematuhi peradaban jalan raya menyebabkan beberapa pelanggaran berlaku dan di bawah sistem kesara bagi kenderaan perdagangan, berapa kes telah dikenakan hukuman sejak ia mula dikuatkuasakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini pelaksanaan sistem Kejara atau demerit points system, bukannya ditangguhkan malahan tarikh pelaksanaan sistem tersebut masih belum ditetapkan lagi.

Kementerian saya bercadang untuk melancarkan pelaksanaan sistem Kejara dengan secepat mungkin dan tertakluk kepada apa-apa perubahan, sistem Kejara akan dilancarkan sebelum penghujung tahun ini dan akan dilaksanakan serta dikuatkuasakan mulai daripada bulan Januari tahun hadapan.

Sistem demerit points bagi kenderaan perdagangan yang sebenarnya dinamakan sistem Kesara adalah dikendalikan oleh Kementerian Perusahaan Awam dan masih belum dikuatkuasakan. Oleh hal yang demikian, Kementerian saya tidak dapat memberikan bilangan kes-kes dan hukuman yang telah dikenakan bersabit daripada penguatkuasaan sistem-sistem tersebut.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah sebab-sebab sebenar yang melambatkan pelaksanaan sistem Kejara ini, memandangkan bahawa kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada membuat pengumuman bahawa sistem Kejara akan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

Dan yang keduanya sama ada pihak Kementerian ada mengadakan rundingan-rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan misalnya dengan pihak Persatuan Otomobil Malaysia tentang sistem Kejara ini sebelum Kerajaan bercadang untuk melaksanakannya.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, ada tiga sebab utama mengapa sistem ini lambat dilaksanakan.

Pertama ialah berkenaan dengan penggubalan Undang-undang yang mana pada masa ini Jabatan Peguam Negara, khasnya Bahagian Penggubal Undang-undang telah pun menyediakan Undang-undang dalam bahasa Inggeris dan sekarang dalam proses terjemahan.

Kedua pihak Kementerian, khasnya Jabatan Pengangkutan Jalan, memerlukan sedikit masa untuk membuat persediaan yang tertentu supaya sistem ini apabila dilaksanakan

tidak menghadapi apa-apa kesulitan, terutama sekali dari segi urusetia dan juga rekod-rekod yang akan disimpan.

Ketiga adalah untuk mengadakan maklum balas daripada orang-orang ramai dan jua persatuan-persatuan yang ingin mengemukakan pandangan terhadap sistem yang berkenaan. Oleh itu, saya fikir saya telah juga menjawab soalan yang kedua daripada Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah penguatkuasaan sistem ini akan melibatkan peruntukan wang yang banyak. Kalau ada, berapa?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, sistem ini tidak akan melibatkan peruntukan yang banyak, malahan cuma pertambahan dari segi pentadbiran sahaja.

## MASYARAKAT INDUSTRI

**6. Datok Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan usaha Kerajaan mewujudkan masyarakat industri di negara ini kian hari kian pesat:

- (a) adakah Kerajaan sedar kemungkinan keperluan sosio ekonomi masyarakat pekerja di sektor industri akan menjadi bertambah sulit dan mencabar;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu peraturan agar pihak swasta hendaklah mengadakan tempat-tempat menginap yang lebih sempurna dan selesa kepada masyarakat pekerja di kawasan-kawasan industri yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas dengan kemudahan-tapak yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Jika tidak mengapa;

- (c) adakah Kerajaan akan mengadakan suatu skim untuk membolehkan para pekerja menyertai satu syarikat di dalam mana-mana syarikat industri yang diceburi oleh pekerja-pekerja itu untuk memberikan harapan masa depan yang lebih terjamin kepada masyarakat pekerja di sektor industri itu. Jika tidak, apakah rancangan lain untuk jaminan masa depan yang lebih cerah; dan
- (d) adakah Kerajaan dapat memberi jaminan bahawa setiap projek yang sedang dan akan dilaksanakan dalam sektor industri ini hak ekuiti Bumiputera yang berlandaskan konsep Dasar Ekonomi Baru akan pasti diberi keutamaan yang tertinggi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sedar mengenai perkara yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalan (a) iaitu keperluan untuk kemudahan-kemudahan asas seperti perumahan, kemudahan kesihatan, persekolahan untuk anak-anak pekerja-pekerja dan lain-lain kemudahan untuk meninggikan taraf dan kualiti hidup pekerja-pekerja sentiasa diberikan perhatian yang berat. Ini bukan sahaja tanggungjawab Kerajaan semata-mata tetapi peranan pihak swasta juga perlu dipertingkatkan.

Kerajaan sentiasa menggesa supaya pekerja-pekerja lebih rajin bekerja, berdisiplin, setia kepada negara dan perusahaan dan perniagaan di mana mereka bekerja, memberi tekanan terhadap daya pengeluaran (productivity) dan hasil kerja yang bermutu tinggi. Kerajaan sentiasa menggesa supaya pihak swasta

berusaha memberi kemudahan-kemudahan perumahan kepada pekerja-pekerjanya.

Untuk mengadakan skim bagi membolehkan para pekerja memiliki saham atau membeli saham dalam syarikat-syarikat, ini adalah terpulang kepada syarikat yang berkenaan. Sungguhpun demikian, Kerajaan di bawah dasar pemindahan hakmilik saham kepada Bumiputera yang dilancarkan pada tahun 1981 memang telah mempunyai skim yang khusus untuk pengurusan dan pekerja. Di bawah skim ini, 5% dari saham Kerajaan atau \$2 juta mengikut mana yang lebih rendah, akan diperuntukkan kepada pengurusan dan pekerja syarikat berkenaan. Skim ini sedang dalam kajian dan akan dilancarkan kelak.

**Wan Mohamad Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebenarnya masyarakat industri itu akan wujud di mana industri itu kita wujudkan, kalau kita adakan di luar bandar maka masyarakat industri ini akan wujud di luar bandar. Jadi apakah Kerajaan bercadang untuk mengutamakan penubuhan industri-industri besar di kawasan-kawasan luar bandar atau kawasan-kawasan yang kurang maju supaya kita dapat mewujudkan masyarakat industri ini di kawasan-kawasan luar bandar yang akan mengurangkan penghijrahan anak-anak muda kita ke bandar?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya soalan seumpama itu telah saya jawab terdahulu lagi apabila ada satu soalan berhubung dengan taburan industri berat di Malaysia. Jadi sebenarnya kalau boleh saya ulangkan lagi iaitu penempatan industri berat di kawasan-kawasan tertentu adalah berasaskan kepada infrastruktur yang

boleh didapati di kawasan itu, umpamanya tenaga elektrik, kemudahan bekalan air dan juga kemudahan pasarannya dan sama ada kemudahan pelaburan ada atau tidak. Jadi ini adalah faktor-faktor terpenting yang menentukan penempatan industri berat di mana-mana satu kawasan.

Di dalam hal ini jika sekiranya kemudahan-kemudahan itu didapati, maka sudah semestinya kita memberikan keutamaan kepada kawasan yang belum maju, iaitu kawasan yang belum maju tetapi infrastruktur sudah ada, maka di situ akan kita tempatkan industri berat dan ini terbukti dengan langkah Kerajaan menempatkan dua industri berat di negeri Terengganu.

#### **SUBSIDI HARGA BARANG KEPERLUAN AKIBAT INFLASI DAN STAGFLASI**

**7. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kemerosotan dan berkurangan perdagangan yang berterusan di dunia sekarang ini dan juga akibat inflasi dan stagflasi, apakah tindakan positif dan kawalan yang dijalankan untuk mengatasi masalah itu dan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan subsidi harga bagi kebanyakan barang-barang keperluan harian.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang Dipertua, ekonomi dunia terutamanya negara-negara maju nampaknya telah beransur-ansur pulih. Perdagangan dunia juga dijangka akan berkembang pada tahun ini, sungguhpun perkembangan ini adalah terhad, memandangkan amalan dasar perlindungan di beberapa negara maju untuk mengatasi masalah pengangguran.

Kadar inflasi di negara-negara maju juga telah berkurangan, kesan dari dasar kewangan dan belanjawan yang lebih ketat. Semua perkara ini telah diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Belanjawan bagi tahun 1984 minggu lepas. Oleh itu, masalah inflasi dan stagflasi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidaklah menjadi perkara utama sekarang ini kerana keadaan inflasi sudah bertambah baik. Masalah yang utama sekarang ini ialah sama ada negara-negara maju dapat mengadakan dasar-dasar yang sesuai untuk menentukan pemulihan ekonomi dunia yang sedang berjalan sekarang dapat dikekalkan, bukan sahaja bagi tahun ini dan tahun hadapan malah pada jangka masa pertengahan.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengembangkan perdagangan Malaysia dengan seluruh dunia. Ini termasuklah langkah memansuhkan perlesenan eksport serta pengenalan elaun galakan eksport. Di samping itu, Kerajaan telah mengadakan rombongan galakan eksport ke luar negeri dan pameran eksport di pasaran baru dan lama. Berasaskan kepada usaha-usaha Kerajaan dan keadaan perdagangan dunia yang beransur baik, eksport Malaysia telah berkembang dengan lebih pesat tahun ini sehingga negara ini dapat mencapai lebih perdagangan sebanyak \$362.3 juta dalam tujuh bulan pertama tahun ini berbanding dengan kurangan sebanyak \$667.0 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperluaskan pasaran barangan eksport kita sama ada di negara yang telah maju atau di negara-negara yang sedang membangun. Pengeksport-pengeksport adalah digalakkan untuk lebih giat lagi dalam usaha mendapatkan pasaran sama ada

melalui rombongan-rombongan perdagangan anjuran Kerajaan atau pihak swasta atau lawatan-lawatan persendirian.

Untuk mengatasi masalah memesatkan lagi dagangan dengan negara-negara yang mengalami kesukaran matawang asing, sistem dagang secara "counter trade" boleh dilaksanakan. Untuk membantu pihak pengeksporth dalam dagangan secara demikian satu unit khas Counter Trade telah pun ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Kerajaan juga telah mengambil bahagian yang cergas dalam perbincangan-perbincangan berbagai forum, bilateral, regional dan multilateral supaya dagangan dunia tidak disekat dengan berbagai amalan protectionism atau halangan-halangan yang dikenakan bagi menyekat dagangan yang lebih bebas. Dengan peluang perdagangan yang lebih meluas dan usaha-usaha oleh pengeksporth untuk mengembangkan eksport kita sudah tentunya ekonomi Malaysia akan dapat berkembang dengan lebih pesat dan mengurangkan tekanan seperti inflasi.

Di samping itu, kadar inflasi negara kita telah berkurangan, memandangkan harga import yang lebih rendah dan perkembangan permintaan dalam negeri yang sederhana serta dasar belanjawan dan kewangan Kerajaan yang pragmatik.

Dalam tujuh bulan pertama tahun ini, kadar tahunan inflasi telah berkurangan kepada 3.9% sahaja berbanding dengan 6.3% bagi tempoh yang sama pada tahun 1982. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang mengadakan subsidi harga bagi barang-barang keperluan harian. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus memastikan bekalan barang-barang ini adalah cukup dan harganya adalah berpatutan, supaya rakyat kita

terutamanya dari golongan miskin dapat menikmati kehidupan yang sempurna.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian bahawa ekonomi dunia dijangka berkembang di seluruh dunia dan negara kita, adakah harapan harga barang-barang harian akan bertambah murah supaya rakyat di negara kita ini akan menikmati kemewahan?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang Dipertua, masalah harga barangan harian di negara kita ini tidaklah bergantung semata-mata kepada pemulihan ekonomi dunia. Sebenarnya banyaklah perkara lain, kriteria-kriteria yang lain untuk mengekalkan ataupun menjaminkan harga-harga barangan harian tidak naik bertambah lagi.

Jadi saya tidaklah dapat memberikan jaminan bahawa dengan bertambah baiknya atau pemulihan ekonomi dunia maka semoga-moga harga barangan keperluan seharian itu bertambah baik atau lebih murah lagi daripada apa yang terdapat sekarang ini.

**Tuan Lee lam Thye:** Tuan Yang Dipertua, memandangkan bahawa sektor pembuatan dapat memainkan satu peranan yang penting dalam ekonomi di negara kita, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan sejauh manakah Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang positif untuk menjadikan sektor pembuatan itu di negara kita lebih kompetitif di luar negeri khasnya dari segi pengeksporthan barang-barang itu?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Adalah menjadi aspirasi dan dasar Kerajaan supaya negara kita ini menjadi satu negara perindustrian, maka banyaklah sepertimana Tuan Yang Dipertua dan juga Dewan ini sedia maklum pada masa yang lepas pertumbuhan perindustrian ini sangatlah saya rasa baik oleh sebab dasar-dasar Kerajaan yang sesuai untuk pelaburan-pelaburan baikpun dalam negeri sama juga luar negeri dapat menetap di negara kita Malaysia ini.

Sentiasa juga, saya rasa perlu kita menekankan kepada pelabur-pelabur tempatan sama juga luar negeri supaya membuatkan perkilangan pembuatan barangan-barangan perkilangan ini dengan competitive iaitu bermakna harga yang baik, mutu yang baik, harga yang kurang, yang lebih competitive yang terdapat di pasaran antarabangsa. Dengan itu sering pemimpin-pemimpin kita dalam Kerajaan telah pun menekankan supaya pelabur-pelabur ini bukanlah semata-mata datang ke negara kita ini ataupun pelabur tempatan mengingatkan kepada pasaran tempatan sahaja. perlulah kita mengingatkan kepada pasaran antarabangsa yang terdapat di seluruh dunia ini, barulah saya rasa harga yang lebih murah dengan dapat mengeluarkan barangan begitu banyak (quantity) maka dapatlah kita mengurangkan harga pasaran barangan pembuatan Malaysia ini. Maka di sinilah saya suka menyatakan perlulah kita mengingat iaitu janganlah ingat kepada pasaran yang terdapat dalam negara kita sahaja kerana penduduk kita jikalau dibandingkan adalah sangat kecil, hanya lebih kurang 13 juta sahaja. Maka perlulah seperti mana yang terdapat di negara Jepun, di Korea dan sebagainya dan juga negara-negara lain yang mana mereka mengeluarkan barangan pengeluaran perkilangan ini dengan begitu banyak

dan menjadi competitive bagi harga barangan mereka dijual di pasaran antarabangsa.

### SEKOLAH BERASRAMA PENUH— TAWARAN

**8. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa ramaiakah murid-murid yang telah mendapat 5A di dalam Penilaian Darjah V tahun 1981;
- (b) berapakah yang telah berpeluang memasuki sekolah berasrama penuh dan sekolah Rancangan Khas dalam tahun 1983;
- (c) berapa ramaiakah yang mendapat 5A dalam Penilaian Darjah V bagi tahun 1982;
- (d) seperti yang diketahui, ramai yang tidak berpeluang mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah yang saya sebutkan di (b) di atas; apakah strategi yang dirancang agar dalam tahun 1984, kesemua murid yang mendapat 5A diberi tempat seperti di atas; dan
- (e) bagaimanakah keadaan kekurangan tempat boleh diperbaiki pada tahun-tahun yang akan datang.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, untuk jawapan (a) 6,857 orang murid-murid telah mendapat 5A di dalam Penilaian Darjah V untuk tahun 1981.

Untuk menjawab soalan (b) 3,000 orang murid telah ditawarkan tempat di Sekolah Berasrama Penuh Tingkatan I, 1983. 3,501 orang murid ditawarkan ke kelas-kelas Rancangan Khas, Tingkatan I untuk tahun 1983.

Untuk menjawab soalan (c) 6,429 orang murid telah mendapat 5A di dalam Penilaian Darjah V bagi tahun 1982.

Untuk menjawab soalan (d) Kelulusan 5A dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V hanyalah suatu penilaian kepada murid-murid yang telah mengikuti pelajaran peringkat rendah selama 5 tahun. Pencapaian dan penilaian itu bukanlah penentu untuk memilih pelajar-pelajar ke Sekolah Berasrama Penuh. Oleh kerana ada beberapa kriteria lain digunakan untuk memilih pelajar-pelajar ke sekolah berasrama penuh, maka tidak perlu dirancang sebarang strategi supaya semua murid yang memperolehi 5A diberi tempat di sekolah tersebut.

Untuk menjawab soalan (e) Kementerian Pelajaran telah merancang membina lebih banyak sekolah berasrama penuh bagi memberi lebih banyak peluang kepada murid-murid yang layak dan terpilih belajar di sekolah berasrama penuh. Walau bagaimanapun adalah dijangka jumlah tempat yang wujud itu masih akan dianggap tidak mencukupi. Oleh itu peluang belajar di sekolah berasrama penuh akan diberi kepada golongan yang memerlukannya dengan kriteria-kriteria tertentu sahaja.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa 5A bukanlah menjadi kriteria utama untuk kemasukan ke sekolah berasrama penuh atau sekolah Rancangan Khas tetapi terdapat beberapa kriteria-kriteria yang lain. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah kriteria-kriteria lain dan bagaimanakah pihak Kementerian menentukan bahawa kriteria-kriteria itu diikuti ataupun dijadikan panduan di dalam memilih penuntut-penuntut untuk memasuki sekolah berasrama penuh dan sekolah Rancangan Khas?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, kriteria-kriteria lain selain dari pencapaian Peperiksaan Penilaian Darjah V ialah Kementerian mengambil kira latar belakang sosio-ekonomi ibubapa dan keluarga murid yang ditawarkan dan juga mengambil kira keadaan persekitaran sekolah calon yang ditawarkan dan untuk kita menjamin garis panduan ini diikuti dengan tidak ada penyelewengan, satu jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk mengkaji dan memilih calon-calon yang dikemukakan.

**Dr Koh Tsu Koon:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut angka murid-murid yang mendapat 5A berjumlah lebih daripada 6,800. Adakah angka ini merujuk kepada semua murid ataupun terhad kepada murid-murid bumiputera sahaja dan sekiranya ya, adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk memberi kemasukan ke sekolah berasrama penuh kepada kaum-kaum bukan bumiputera. Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, saya difahamkan bahawa keputusan bagi peperiksaan Penilaian Darjah V sekarang telah dibahagikan ke dalam A1 dan A2. Sejauh manakah langkah ini dapat membantu proses pemilihan murid-murid untuk sekolah-sekolah ini?

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, jumlah yang saya berikan tadi ialah untuk semua murid-murid yang mengambil peperiksaan Penilaian Darjah V.

Untuk menjawab soalan yang kedua, Kementerian tidak memecahkan peringkat A1 atau A2 pada peringkat sekarang oleh kerana pada tahun 1986 peperiksaan Penilaian Darjah V tahun ini akan diubah untuk mengikut kehendak Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang sekarang dilaksanakan.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran daripada angka-angka yang disebutkan tadi lebih kurang 6,800 orang itu, berapa peratuskah pelajar-pelajar tersebut daripada golongan pelajar di luar bandar. Dan adakah mereka itu diberi pertimbangan istimewa memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh dan juga sekolah-sekolah latihan khas bagi tahun 1983.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, adalah lebih 70% datang dari luar bandar dan keistimewaan sentiasa diberi kepada calon-calon yang datang dari luar bandar.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran adakah Kementerian Pelajaran mengadakan penyelarasan dalam mengambil murid-murid ke sekolah berasrama penuh Kerajaan dengan pihak MARA yang memasuki MRSM supaya tidak berlaku dua tawaran.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekolah-sekolah berasrama penuh yang dimulakan itu adalah untuk Tingkatan I dan saya ingat ini tidak ada berkaitan dengan pengambilan murid-murid untuk memasuki Maktab Rendah Sains MARA.

#### ANTARTIKA KE SIDANG BANGSA-BANGSA BERSATU

**9. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil usaha Malaysia supaya soal Antartika dibincang dalam Sidang Bangsa-Bangsa Bersatu.

**9. (22-11-83) Tuan Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan maksud dan tujuan Kerajaan Malaysia mengambil peranan penting dalam membawa masalah Antartika ke Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sedangkan kebanyakan negara termasuk kuasa-kuasa besar dunia yang terikat dalam perjanjian Antartika menentang sikap Kerajaan Malaysia ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang Dipertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 22hb November, 1983 yang mana soalan ini adalah bertujuan sama seperti soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Baiklah.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, permintaan Malaysia berserta Antigua dan Bermuda supaya soal Antartika dibincang di dalam sesi ke-38 Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu telah diterima oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Soal Antartika ini telah dijadualkan untuk dibahaskan pada hujung bulan November ini.

Malaysia membawa isu Antartika ini ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu oleh kerana Malaysia percaya Antartika sebagai kawasan yang terakhir di dunia yang belum diduduki oleh manusia patutlah dijadikan sebagai warisan bersama seluruh umat manusia. Dia tidak seharusnya menjadi hak eksklusif negara-negara yang mampu dan berupaya untuk menerokanya sahaja. Penerokaan sumber-sumber alam Antartika

patutlah dijalankan untuk kepentingan bersama seluruh umat manusia.

Antartika patut digunakan untuk tujuan-tujuan aman sahaja dan mengelakkan daripada menjadi kancah persaingan antarabangsa. Peraturan yang sedia ada seperti yang diperuntukkan di bawah Triti Antartika 1959 tidak menjamin matlamat tersebut. Tetapi sebaliknya peraturan ini telah menimbulkan suatu sifat eksklusif bagi pihak-pihak perunding Triti Antartika. Ini telah mewujudkan satu keadaan yang tidak adil dan oleh itu tidak stabil di dunia ini. Oleh itu memandangkan faktor-faktor tersebut dan juga oleh kerana minat di peringkat antarabangsa terhadap isu Antartika semakin bertambah adalah perlu isu ini dipertimbangkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya Antartika tidak menjadi tumpuan persaingan antarabangsa pada masa hadapan.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 10 hingga 17 adalah diberi di bawah ini)*

#### **TUNJUK PERASAAN DAP DI KEDUTAAN SOVIET**

**1. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kerajaan berhubung dengan tindakan Pemuda DAP yang telah mengadakan Tunjuk Perasaan di hadapan Kedutaan Soviet Union di Kuala Lumpur berhubung dengan pihak tentera Udara Soviet baru-baru ini. Dari apa yang diketahui umum, bahawa tunjuk perasaan tersebut diadakan tanpa kebenaran Polis.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Perkara ini masih dalam siasatan. Apakala selesai kelak Kertas Siasatan akan dihantar kepada Pendakwaraya untuk arahan selanjutnya.

#### **PERSYARIKATAN MALAYSIA**

**10. Tuan Daud bin Dato' Haji Taha** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada konsep persyarikatan Malaysia akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan oleh itu perlu menukarkan sistem kewangan dan akaun negara kepada sistem yang diamalkan oleh syarikat-syarikat swasta. Ini perlu memandangkan syarikat swasta memerlukan angka-angka perbandingan yang selaras dengan kehendak objektif perniagaan mereka iaitu keuntungan dan mutu kerja yang tinggi. Apakah masalah besar yang mungkin dihadapi oleh Kerajaan sekiranya perubahan ini perlu dan apakah langkah yang boleh diambil untuk mengatasinya. Bilakah Kerajaan bercadang melaksanakan sistem sepenuhnya.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Kerajaan bahawa apa yang dimaksudkan dengan Persyarikatan Malaysia ialah satu sikap kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta. Persyarikatan Malaysia adalah satu konsep di mana kita menganggapkan Malaysia sebagai sebuah syarikat dan penduduknya, sama ada kakitangan Kerajaan atau Swasta, adalah pemilik dan pekerja dalam syarikat tersebut. Oleh itu, kedua-dua pihak hendaklah berusaha dan bekerjasama untuk mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Konsep Persyarikatan Malaysia ini sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tidak pula memerlukan Kerajaan

menukarkan sistem kewangan dan akaun negara yang diamalkan sekarang ke sistem yang diamalkan oleh syarikat-syarikat swasta. Sistem perakaunan yang digunakan oleh Kerajaan sekarang adalah berpandukan kepada prinsip-prinsip perakaunan diterima umum atau "Generally Accounting Principles (GAAP)". Tetapi sistem yang digunakan ini bebezanya sedikit dari sistem perakaunan perdagangan (commercial accounting) kerana objektif atau tujuan Kerajaan membuat sesuatu perbelanjaan adalah berbeza dengan objektif keuntungan yang diamalkan oleh pihak swasta. Namun demikian, terdapat beberapa jabatan Kerajaan yang berbentuk jabatan perdagangan seperti Jabatan Telekom, Jabatan Penerbangan Awam dan Jabatan Bekalan Air yang mengamalkan sistem perakaunan perdagangan (commercial accounting) yang menggunakan konsep akruan (accrual). Badan-badan Berkanun telah pula dikehendaki menggunakan sistem perakaunan berdasarkan akruan dari dahulu lagi.

Sistem perakuan Kerajaan yang diamalkan sekarang sedang dipermodenkan dengan tujuan utama untuk mengeluarkan akaun awam yang lebih cepat dan tepat di samping berkeupayaan menyediakan maklumat-maklumat pengurusan yang strategik bagi maksud pihak pengurusan membuat sesuatu keputusan supaya sumber-sumber Kerajaan dapat digunakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa mengkaji asas-asas perakaunan yang pada masa ini berdasarkan kepada perakaunan tunai (cash accounting) dan jika perlu, akan menimbangkan perubahan dan/atau pengubahsuaian dalam sistem perakaunan itu.

## WANG KERTAS BARU MALAYSIA

**11. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kenapa Kerajaan menukar dan mengeluarkan wang baru. Apakah ianya ada kaitannya dengan penilaian semula ringgit;
- (b) berapa jumlah dana tabungan Negara yang kita miliki sekarang. Berapa jumlah ringgit telah dikeluarkan dan diedarkan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

- (a) pengeluaran wang kertas dengan reka bentuk baru merupakan sebahagian dari rancangan Bank Negara untuk mengeluarkan wang kertas yang lebih menggambarkan ciri-ciri Malaysia dan wang kertas itu juga mengandungi ciri-ciri keselamatan tambahan bagi mengelakkan wujudnya wang kertas palsu. Pengeluaran wang kertas tersebut tidak ada kaitannya dengan penilaian semula ringgit.
- (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga pada 30hb September, 1983, jumlah cadangan antarabangsa Bank Negara Malaysia adalah sebanyak \$10,722.70 juta, manakala jumlah wang dalam edaran hanyalah sebanyak \$6,503.35 juta.

## DASAR EKONOMI BARU— PENYERTAAN EQUITI BUMIPUTERA

**12. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Perdana Menteri untuk menyatakan sama ada Kerajaan berpuashati dengan kemajuan dan pelancaran Dasar Ekonomi Baru dan jika ya, menyatakan sejauh manakah

penyertaan ekuiti Bumiputera di dalam Dasar Ekonomi Baru telah dicapai.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tahap pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada masa ini tidaklah sampai keperingkat seperti yang dijangkakan. Satu dari sebabnya ialah bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara telah tidak dapat mencapai kadar seperti yang diharapkan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang juga melanda negara kita. Walau bagaimanapun, dengan pertumbuhan ekonomi yang sederhana beberapa kemajuan yang berpatutan telah dapat dicapai. Saya suka juga memaklumkan bahawa strategi-strategi dan program-program Dasar Ekonomi Baru sedang dikaji pada masa ini melalui Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Peringkat penyertaan ekuiti Bumiputera masa kini belum dapat dinyatakan kerana Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat belum lagi selesai. Yang dapat diberitahu sekarang hanyalah pencapaian setakat tahun 1980 pada mana ekuiti Bumiputera di sektor syarikat adalah 12.4% berbanding dengan 4.3% pada tahun 1971.

#### SEMPADAN MALAYSIA— SINGAPURA DI SELAT TEBRAU

**13. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah ciri-ciri yang digunakan untuk menentukan garis sempadan di antara Malaysia dengan Singapura di Selat Tebrau. Dan adakah pengukuran dan penentuan garis sempadan itu telah sempurna dilaksanakan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Ukuran Bersama Haidrografi (Joint Hydrographic Survey) telah pun siap dilaksanakan pada 3hb. Oktober, 1981 oleh Malaysia dan Singapura di Selat Johor. Dua puluh satu carta "fair sheets" yang menjadi hasil daripada ukuran ini, telah pun disemak dan dipersetujui oleh Malaysia dan Singapura pada 12hb. Mei, 1982. Sekarang Kementerian ini sedang bertindak dalam menyediakan opsi-opsyen yang terbuka kepada Kerajaan Malaysia bagi menentukan garis persempadanan perairannya di Selat Johor mengikut prinsip "deep water channel" seperti termaktub di dalam Perjanjian 1927 di antara Kerajaan Johor dan pihak British. Prinsip ini telah juga diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perjumpaan beliau dengan Perdana Menteri Singapura pada 17hb-18hb Disember, 1981. Hanya selepas Kerajaan Malaysia bersetuju dengan garis dan prinsip ini baharulah perundingan dengan pihak Singapura boleh diadakan bagi menentukan garis persempadan di Selat Johor.

#### PAKAIAN HAKIM—UBAHSUAI

**14. Tuan Khadri bin Sabran** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengubahsuai pakaian Para Hakim di negara ini supaya pakaian tersebut melambangkan keperibadian kebangsaan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengubahsuai pakaian Para Hakim dan adalah dimaklumkan perkara ini adalah menyentuh akan "kebebasan Kehakiman" (Independence of the Judiciary).

## PENDATANG HARAM INDONESIA

15. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang-pendatang haram Indonesia yang diketahui berada di negeri ini setakat ini;
- (b) berapa pendatang-pendatang haram Indonesia di ketahui digaji sebagai pekerja-pekerja dalam projek-projek yang dikendalikan oleh sektor swasta dan awam di seluruh Malaysia;
- (c) berapa jenayah besar seperti rompakan bersenjata, pemukulan, rogol dan pembunuhan diketahui dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia sejak lima tahun ini;
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kebanjiran pendatang-pendatang haram Indonesia ke negara ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini tanpa memiliki dokumen perjalanan yang sah adalah melakukan kesalahan di bawah undang-undang Imigresen yang berkuatkuasa sekarang dan boleh diambil tindakan undang-undang sewajarnya tanpa mengira negara asal mereka. Kerajaan tidak mempunyai statistik mengenai kedatangan warganegara asing yang memasuki secara haram ke negara ini dan tidak juga mempunyai maklumat mengenai pengajian mereka sebagai pekerja dalam projek-projek yang dikendalikan oleh sektor awam atau swasta di Malaysia. Dalam pada itu Kerajaan sentiasa mengharapkan serta mengalu-alukan kerjasama rakyat untuk memberi maklumat mengenai kemasukan pendatang haram dari mana-mana negara jua supaya Kerajaan dapat mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

Daripada perangkaan jenayah yang telah dikumpulkan, adalah didapati bahawa kes-kes jenayah yang telah dilakukan oleh pendatang haram Indonesia bagi tempoh tahun 1978 hingga Ogos 1983 adalah seperti berikut:

### (a) Kes Bunuh

Dari jumlah 1,464 kejadian bunuh yang dilaporkan hanya 20 kejadian atau 1.3% sahaja yang dilakukan atau disyaki dilakukan oleh pendatang haram dari Indonesia.

### (b) Cuba Bunuh

Dari jumlah 338 kes cuba bunuh yang dilaporkan, hanya 5 kejadian atau 1.48% sahaja dilakukan atau disyaki dilakukan oleh pendatang haram Indonesia.

### (c) Samun Bersenjata

Dari jumlah 2,641 kejadian samun bersenjata yang dilaporkan hanya 22 kejadian atau 0.83% sahaja dilakukan atau disyaki dilakukan oleh pendatang haram dari Indonesia.

### (d) Mencederakan Dengan Senjata

Dari 1,0996 kejadian yang dilaporkan, hanya 47 kejadian atau 0.43% dilakukan atau disyaki dilakukan oleh pendatang haram Indonesia.

### (e) Rogol

Dari jumlah 2,162 kejadian rogol yang dilaporkan, hanya 17 kejadian atau 0.79% dilakukan atau disyaki dilakukan oleh pendatang haram Indonesia.

Pada keseluruhannya jenayah kekerasan yang dilakukan atau yang disyaki dilakukan oleh pendatang haram Indonesia hanya 1.19% atau 49 kejadian dari sejumlah 40,873

kejadian yang dilaporkan berlaku dalam tempoh antara tahun 1978 hingga bulan Ogos 1983.

Untuk makluman Dewan yang mulia, negara ini tidak menghadapi kebanjiran pendatang-pendatang haram Indonesia atau dari mana-mana negara jua. Setakat ini kemasukan warganegara asing secara haram dapat dihindarkan melalui tindakan dan langkah-langkah positif Kerajaan.

#### **KEBUDAYAAN KEBANGSAAN— MEMORANDUM WAKIL-WAKIL AGAMA**

16. **Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan pendirian Kerajaan atas memorandum bersama yang dikemukakan kepada Kementerianya dalam bulan Jun lalu oleh wakil-wakil Agama Budha, Hindu, Kristian dan Sikh mengenai Kebudayaan di mana memorandum tersebut telah mengesyorkan supaya unsur-unsur terbaik dari berbagai-bagai agama dan budaya diterapkan dalam evolusi Kebudayaan Kebangsaan serta juga mengutarakan pendirian mereka bahawa kebudayaan tidak boleh dipisahkan dari agama dan maka dengan sebab itu mereka tidak dapat bersetuju dengan dasar Kerajaan untuk menjadikan Islam sebagai salah satu unsur utama dalam penciptaan Kebudayaan Kebangsaan.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Sebelum saya menjawab soalan ini saya memohon izin untuk menjawab juga soalan-soalan oleh Yang Berhormat dari Bandar Sibul pada 28-10-83 dan Yang Berhormat Jelutong pada 11-11-83.

Sekaligus oleh kerana semua soalan-soalan termasuk mempunyai persamaan yang berkisar tentang persoalan mengenai isu Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Jika Ahli-ahli Yang Berhormat menyingkap kembali lembaran sejarah, dasar yang ditetapkan pada tahun 1971 itu adalah sebenarnya ekoran dari rumusan Kongres Kebudayaan Melayu 1957.

Kongres Kebudayaan Melayu 1957 merupakan wasiat suci daripada bangsa dan para pejuang Melayu di ambang pintu kemerdekaan. Kongres ini telah merangkakan dasar Kebangsaan bagi negara merdeka selepas 31 Ogos, 1957 yang akan merangkumi warganegara baru yang bukan Melayu.

Konsep yang diajukan itu menegaskan kesinambungan sejarah dan tradisi bangsa pribumi dan di samping itu membukakan diri pula kepada penyerapan tradisi-tradisi imigran yang baru. Konsep ini adalah suatu penjelmaan dari jiwa serta semangat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sendiri. Menerima Raja Melayu sebagai Yang di-Pertuan Agong dengan sendirinya menerima kesinambungan sejarah dan tradisi serta juga hak-hak bangsa Melayu sebelumnya. Jadi wadah kebudayaan kebangsaan Malaysia tak mungkin yang lain dari wadah kebudayaan pribumi—ciri-ciri kebudayaan masyarakat bukan pribumi hanyalah sebagai tambahan baru.

Keadaan semasa kemerdekaan ini telah dicerminkan semula pada tahun 1971 dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Perkara ini telah tidak pernah dipersoalkan sehingga akhir-akhir ini.

Semangat tersebutlah yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri pada 18hb Disember, 1982:

“Kita semua telah bersetuju, perpaduan dan keutuhan itu akan kita bina dan pupuk melalui satu bahasa, iaitu bahasa kebangsaan—satu kebudayaan, iaitu kebudayaan kebangsaan. Maka bahasa Kebangsaan diasaskan kepada

bahasa Melayu dan kebudayaan kebangsaan ialah kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal pribumi Malaysia. Kebebasan untuk mengamalkan kebudayaan masing-masing sebagai kebudayaan kesukuan, dalam rangka dan batasan-batas tertentu, adalah terjamin dalam Perlembagaan negara kita.

Dengan demikian, persoalan konsep kebudayaan kebangsaan tidak timbul lagi, sama seperti persoalan bahasa kebangsaan juga tidak timbul lagi. Yang menjadi persoalannya hanyalah usaha dan tanggungjawab untuk mengisi konsep ini, bagi kepentingan hidup bersama. Jika kita semua benar-benar inginkan sebuah negara yang aman makmur, dengan kehidupan rakyatnya yang damai serta bahagia, bahasa dan kebudayaan tidaklah seharusnya lagi dijadikan isu politik yang hanya akan menguntungkan golongan yang anti perpaduan dan yang taat setianya boleh diragukan".

Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidaklah mengancam sebarang kebudayaan kaum dan sukuan di negara. Tiap kumpulan bebas untuk mengamalkan budaya sukuan (private culture) sendiri seperti juga bahasanya.

Identiti Nasional kita perlulah berbeda dengan identiti negara-negara yang lain; kebudayaan pribumi Melayu adalah satu-satunya yang unik di Malaysia dan di dunia. Oleh itu, ia dengan sendirinya harus dijadikan teras kepada kebudayaan Kebangsaan. Di samping itu unsur-unsur kebudayaan imigran di Malaysia telah pun dipersetujui untuk diintegrasikan kepada teras yang telah ditetapkan itu, jadi dalam "identiti nasional" kita yang lengkap pasti merangkumi dalam simbol-simbol masyarakat bukan pribumi.

Mengenai soalan Yang Berhormat dari Sungai Besi bertarikh 27-10-83, sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa menghormati pandangan dan pemikiran fahaman dan pelaksanaan pembinaan Kebudayaan Kebangsaan, bersandarkan kepada Dasar yang telah ditetapkan. Unsur-unsur yang positif serta nilai-nilai umum bersama adalah menjadi pertimbangan utama dalam proses penerapan.

Soal Agama sudahpun sedia mendapat jaminan dan perlindungan di dalam Perlembagaan Negara. Soal ibadat bagi tiap-tiap penganut agama adalah hak individu menurut pegangan agama masing-masing. Islam yang menjadi dasar dalam Kebudayaan Kebangsaan ialah dari segi pembentukan, pengembangan serta penggunaan nilai-nilai yang berkaitan dengan pembinaan keperibadian bangsa dan sosio-budayanya. Nilai-nilai ini telah sedia wujud menjadi amalan hidup yang sesuai dengan ajaran agama-agama lain, seperti berkelakuan baik dan mulia, amanah, kebersihan, kecekapan, berakhlak mulia, bersopan santun, berbudi bahasa dan menjauhkan dari sifat-sifat hidup yang tidak baik.

Bagi menjawab soalan dari Bandar Sibul:

- (a) Kerajaan, khususnya KKBS, memang ada mengundang badan-badan kebudayaan dari setiap suku kaum di Malaysia membuat persembahan atau pertunjukan yang bertaraf kebangsaan dalam fungsi-fungsi rasmi.
- (b) Di antara persatuan-persatuan China yang terlibat membuat persembahan anjuran KKBS dari tahun 1982 hingga Ogos, 1983 adalah seperti berikut:
  - (i) Persatuan Chinghay, Pulau Pinang

(ii) Kumpulan Lee Lee Lan  
Ballet

Walau bagaimanapun, Kementerian ini difahamkan bahawa badan-badan penganjur yang lain sama ada di peringkat Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri, sentiasa melibatkan penyertaan semua kaum di negara kita.

Dan akhir sekali mengenai soalan Yang Berhormat dari Jelutong bertarikh 11-11-83 sukalah saya menyatakan bahawa evolusi kebudayaan di Malaysia telah berlaku semenjak ratusan tahun yang lalu iaitu semenjak negara ini menjadi tumpuan dan tempat bermastautin pelbagai kaum pendatang dengan pelbagai budayanya. Evolusi ini telah berjalan dengan lancar melalui proses pengenalan, penerimaan dan penyerapan unsur-unsur positif serta nilai-nilai umum yang positif daripada pelbagai budaya itu. Proses yang sama sedang berlaku pada masa ini dan akan terus berlaku di masa-masa yang akan datang.

**PATUNG KWAN YIN—GANGGUAN**

17. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan selain dari agama rasmi negara, sama ada rakyat masih mempunyai kebebasan keagamaan untuk menganuti agama masing-masing, jika ya, mengapa pembinaan patung Kwan Yin di Bukit Bendera, Pulau Pinang masih menghadapi gangguan dan halangan dari pihak yang tertentu dan dengan keadaan sedemikian, di mana wujudnya kebebasan beragama.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Islam adalah agama rasmi negara ini. Kerajaan sentiasa memastikan kedudukan Islam sebagai agama rasmi dijaga dan tidak diganggu-gugat dan dipersoalkan lagi. Kedudukan syiar Islam hendaklah mengatasi agama-agama lain. Sebagaimana yang

dijamin di dalam Perlembagaan, agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai oleh penganut-penganutnya.

Berkenaan dengan pembinaan patung Kwan-Yin, saya tidak dapat membuat apa-apa ulasan oleh kerana saya tidak tahu apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai gangguan dan halangan dari pihak-pihak tertentu.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN, 1984**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb Oktober, 1983).

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam

senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (26hb Oktober, 1983).

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

3.37 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang Dipertua, kelmarin saya telah menyebutkan mengenai perkembangan hutang luar negara sebagai udang tahi di kepala. Pembayaran faedah negara kita iaitu ke atas hutang negara telah melambung naik dari \$625 juta bagi tahun 1981 hingga \$911 juta bagi tahun 1982 dan \$1.714 billion bagi tahun 1983. Ini bermakna dari tahun 1982 hingga 1983 pertambahan pembayaran faedah merupakan 88.1%. Ini sangat tinggi untuk negara ini.

Tuan Yang Dipertua, inilah gambaran hutang luar negeri yang sebenar. Walaupun Kerajaan sentiasa cuba memberi jaminan bahawa nisbah khidmat bayaran hutang di luar negeri adalah amat rendah iaitu 6% berbanding dengan negara-negara lain bahawa Malaysia tidak merupakan di antara 50% peminjam-peminjam terbesar di dunia dan bahawa kita masih mempunyai keyakinan diberi pinjaman dan sebagainya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan Timbalannya.

Jaminan-jaminan ini adalah merupakan kosong sahaja. Di masa lalu kita tidak pernah menurut nasihat-nasihat Bank Dunia tetapi sekarang situasinya telah berubah di mana kita terpaksa menurutnya kerana pinjaman-pinjaman projek. Sehingga tahun 1980 Bank Dunia telah

meminjamkan kita \$1,800 juta untuk 30 projek yang telah melambung naik hingga tahun 1981 di mana \$2,175 juta telah dikeluarkan untuk menampung 39 projek. Sehingga tahun 1982 pula jumlahnya adalah \$2,247 juta bagi 40 projek.

Hutang luar negeri tidak sama sekali patut menjadikan satu ketagihan seperti ketagihan dadah ataupun ketagihan wabak ekonomi.

DAP bercadang bahawa kurangan hutang ini diatasi dengan menstabilkan perbelanjaan Kerajaan dan mengurangkan kadar pertambahan hutang terutama sekali pinjaman-pinjaman pasaran luar.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** (*Bangun*)

**Tuan Yang Dipertua:** Minta jalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Boleh.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong apakah kenaikan kadar pinjaman negara yang dilakukan sekarang adalah untuk membentasi atau untuk mengawal daripada keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini.

Jika sedar tentang perkara itu maka kenaikan kadar ini adalah untuk kebaikan di dalam menjaga kedudukan kewangan negara dan juga dari segi menambah imbalan pembayaran yang berlaku kekurangan. Jadi dengan keadaan begitu saya rasa kemelesetan ekonomi yang berlaku sekarang ini tidak sangat dirasakan oleh rakyat kita kerana pengawalan daripada pinjaman yang didapati ini. Sebab itulah kadar pinjaman bertambah.

Kalau Yang Berhormat dari Kepong sedar yang dia sendiri tidak merasai kemelesetan ekonomi ini, ini adalah satu daripada untuk mengelakkan

yang beliau ini merasai tentang kemelesetan ekonomi oleh kerana pinjaman luar yang dilakukan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat dari Pasir Puteh berlagak sebagai, rumah sudah pahat berbunyi.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak faham apa erti rumah sudah pahat berbunyi dengan penjelasan yang saya katakan tadi? Saya tidak faham apa yang dia kata.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat berhak memberi penjelasan tidak boleh bertanya. Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, hutang negara kita hendaklah sentiasa berwaspada kerana kalau pembayaran faedah seperti yang saya sebutkan tadi melambung naik 88.1%, ini satu tanda bahawa kita telah melangkah ke hadapan yang sangat tidak cerah, walaupun kemerosotan ekonomi dunia ini nampaknya ada cerah sedikit. Jadi, yang penting sekali apa yang kita pinjam, kita hendak digunakan untuk projek-projek bukan untuk pengurusan seperti yang berlaku sekarang, cuma yang saya sebutkan untuk projek-projek dibiayai oleh Bank Dunia.

Tuan Yang Dipertua, untuk jawapan Yang Berhormat dari Pasir Puteh, saya akan bangkitkan 2-3 contoh lagi yang menunjukkan walaupun kita pinjam, tetapi kita tidak ada cukup accountability untuk menggunakan wang itu dengan baik.

Tuan Yang Dipertua, penyelarasan kewangan Kerajaan juga memperlihatkan banyak kekurangan. Di negeri Selangor misalnya, adalah didapati bahawa cek-cek bernilai lebih daripada \$504,000 yang dibayar kepada Kerajaan Selangor antara Mac 1971 dan Disember, 1980 telah

dipulangkan oleh bank-bank kerana ianya tidak laku. Pihak kewangan negeri Selangor terpaksa menghapuskan cek-cek bernilai lebih \$247,000 pada bulan Disember 1981 kerana ianya tidak laku lagi, bagi tempoh 1968 hingga 1973 pula adalah dianggarkan bahawa dari jumlah ini, lebih \$225,000 merupakan hasil yang dikutip oleh Pejabat Tanah, Kuala Lumpur semasa Wilayah Persekutuan diserahkan oleh negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan. Mengikut Laporan Ketua Odit Negara, tindakan tegas dan segera tidak diambil oleh Bendahari Negeri dan Pemungut Hasil berkenaan bagi mendapatkan balik jumlah wang yang terlibat itu.

Setakat 31hb Disember, 1980 pula cek-cek bernilai \$15.4 juta yang dikeluarkan dalam tempoh Mac 1975 hingga Disember 1980 masih belum ditunaikan. Peraturan kewangan adalah bahawa mana-mana cek yang tidak ditunaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh dikeluarkan, dibatalkan dan diselaraskan kepada hasil. Tetapi, peraturan ini tidak dipatuhi oleh kerana kecuaiian dan kurang bertanggungjawab pegawai-pegawai yang terlibat.

Suatu lagi contoh kurangan accountability kewangan adalah berhubung dengan projek-projek telekom. Saya telah diberitahu dan di sini saya meminta Menteri berkenaan menyiasat sama ada dakwaan bahawa penyelewengan dalam pemberian projek-projek telekom yang berharga kira-kira \$2.5 billion kepada 4 pemborong adalah benar. Projek-projek telekom tersebut mula-mulanya dinilai oleh pihak telekom, kemudian ditambah dengan 35% premium sebagai dorongan, iaitu lebih daripada \$600 juta. Dorongan ini merupakan jaminan keuntungan yang minima. Orang-orang yang mendapatkan tawaran tender tersebut terdiri daripada bekas-bekas pengarah telekom. Semasa mereka menjadi

pengarah-pengarah, perkhidmatan telekom tidak memuaskan. Sekarang mereka diberi projek-projek untuk dilaksanakan secara persendirian, kerana jumlah wang yang terlibat adalah terlalu besar, adalah penting bagi Kerajaan untuk menyasiat perlakuan ini.

Tuan Yang Dipertua, suka saya membangkitkan hal dasar perindustrian negara. Pada tahun lepas saya telah mencadangkan satu dasar dan strategi perindustrian, terutamanya yang berdasarkan eksport. Tahun ini, nampaknya Kerajaan sedang menggubal suatu Rancangan Pelan Induk Perindustrian jangka panjang yang akan menentukan arah kemajuan perindustrian kita di masa depan. Walaupun pelan ini masih dalam peringkat permulaan, saya hendak menekankan bahawa pemimpin-pemimpin negara hendaklah mempunyai komitmen politik terhadap dasar perindustrian dan eksport serta mengadakan pengurusan kebangsaan yang cukup baik, bukan seperti yang saya sebutkan tadi. Dengan pendekatan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang lebih berupa perniagaan, hubungan antara Kerajaan dan peniaga-peniaga yang baik dapat dipupuk. Nampaknya Konsep Persyarikatan Malaysia adalah untuk memupuk apa yang disebutkan di sini. Akan tetapi, masa sahaja dapat menentukan sama ada Kerajaan 2M mempunyai kemampuan dan keazaman untuk melaksanakan dasar perindustrian seumpama ini.

Kini, Kerajaan adalah taksu kepada industri berat seperti keluli, simen serta kereta Malaysia, manakala kemampuan kita patut menitikberatkan perindustrian-perindustrian taraf teknologi pertengahan, seperti motosikal, scooter dan alat-alat pertanian. Industri-industri teknologi pertengahan adalah lebih viable dan

feasible, dengan izin. Walaupun ia merupakan kurang sophisticated pemindahan teknologi dapat digalakkan. Sebaliknya, projek-projek industri berat memerlukan pinjaman-pinjaman luar yang banyak untuk membiayainya, dan akhirnya memberikan beban yang berat ke atas pengguna-pengguna disebabkan ianya memerlukan perlindungan.

Tadi saya ada dengar, kelmarin Yang Berhormat dari Pasir Puteh bangkitkan industri untuk luar bandar, ini satu langkah yang patut kita menitikberatkan. Dan jawapan saya kepada dia, dengan hutang negara itu, kalau hutang negara itu begitu besar untuk menampung industri berat itu kita hendaklah berwaspada.

Tuan Yang Dipertua, projek kereta Malaysia yang dibiayai oleh HICOM adalah menelan belanja \$560 juta, dan patut mengeluarkan 20,000 unit kereta pada 1985. Pelaburan Kerajaan dalam HICOM pula adalah sebanyak \$80 juta, yang menjadikan modal berbayar HICOM sebanyak \$268 juta. Kos kereta Malaysia adalah didapati hampir-hampir dua kali ganda jumlah modal berbayar ini.

Yang terlibat dalam projek ini adalah Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) yang terdiri daripada HICOM yang akan menyumbangkan 70% daripada modal berbayar, Syarikat Mitsubishi 15% dan Kumpulan motor Mitsubishi 15%. Selain daripada \$560 juta ini, 12 billion yen akan dipinjam melalui Mitsubishi, inilah satu contoh yang saya bangkitkan sekali lagi, 12 billion yen akan dipinjam melalui Mitsubishi yang akan mengesyorkan keuntungan bagi Mitsubishi adalah kontrak-kontrak projek "turnkey" dari pertolongan pembinaan logi dan penawaran kelengkapan serta peralatan-peralatan. Logi pengeluaran HICOM seluas 900 hektar telah pun diperolehi untuk \$85 juta dekat Shah Alam, Selangor.

Beberapa hakikat mengenai kereta Malaysia patut diketahui pada mulanya, 36% daripada nilai keseluruhan kereta Malaysia (bukan beratnya) akan terdiri daripada alat-alat buatan tempatan yang adalah lebih mahal serta rendah mutunya daripada yang diimport. Cadangan bahawa alat-alat tempatan akan pada akhirnya merupakan 85-90% daripada projek kereta ini bermakna bahawa harga akhirnya akan kira-kira 3 kali ganda harga kenderaan-kenderaan yang diimport. Juga, harga berlebihan ini adalah tanpa mengira perlindungan-perindungan tarif yang akan menyebabkan pengurangan dalam bentuk reka modal yang terdapat. Hasil Kerajaan dari kereta-kereta diimport juga akan jatuh apabila rakyat dipaksa membeli kereta Proton ini.

Sebagai kesimpulan kepada projek ini, Kerajaan mesti menyedari bahawa suatu strategi perindustrian yang lebih seimbang serta menyeluruh dapat menjadikan penerimaan teknologi serta semangat berdikari jauh lebih feasible jika ianya diselaraskan dengan sebuah sistem pengangkutan yang berorientasikan keperluan awam, bukan permintaan persendirian, seperti motosikal, atau kelengkapan-kelengkapan pertanian dan sebagainya.

Suatu Dasar Industri Komprehensif yang berdasarkan industri-industri kecil dan pertengahan berbanding dengan pengeluaran bahan-bahan mewah secara besar-besaran, hendaklah digubal dan digalakkan. Industri-industri ini, yang dimiliki oleh orang-orang tempatan boleh menggunakan sumber-sumber asli dengan tidak bergantung kepada firma-firma asing, dan boleh membuat barangan asas yang diperlukan oleh orang ramai seperti makanan, perabot, jaring perikanan, pakaian dan lain-lain. Jaring-jaring perikanan mungkin boleh digunakan oleh MAJUIKAN juga.

Memandangkan betapa perlunya negara kita mengurangkan pergantungan kepada perniagaan luar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan tadi kita seharusnya menggubalkan satu dasar teknologi yang wajar. Setakat ini, apa yang dikatakan sebagai pemindahan teknologi adalah paling kabur. Oleh itu, negara kita berkehendakkan satu kajian yang teliti ke atas teknologi serta jenis teknologi yang kita harap dapat dipindahkan kepada kita.

Tuan Yang Dipertua, peruntukan anggaran perbelanjaan mengurus bagi pelajaran adalah berjumlah \$3.362 billion, dan anggaran perbelanjaan pembangunan bagi pelajaran pula adalah \$812 juta. Jadi, jumlahnya adalah \$4.174 billion. Cadangan Kementerian untuk membina 3 politeknik baru, 9 buah sekolah vokasional adalah suatu langkah ke arah yang betul. Ini adalah selain daripada \$60 juta yang akan disediakan bagi 35 sekolah menengah vokasional, 9 buah sekolah teknik dan 4 buah politeknik yang sedia ada. Di peringkat pelajaran tinggi pula \$229 juta akan disediakan untuk menambahkan kemudahan-kemudahan di universiti-universiti termasuk Universiti Islam Antarabangsa.

Sebenarnya, di dalam negara ini terdapat sembilan sekolah-sekolah teknikal dan 24 buah sekolah vokasional, di samping rancangan untuk lima buah lagi sekolah vokasional di Semenanjung, dua di Sabah dan dua di Sarawak. Bilangan penuntut-penuntut di tahap diploma dan sijil dalam tahun 1980 adalah seramai 17,361 dan dianggarkan menjadi 30,245 menjelang 1985. Sekarang ini juga kita mempunyai lima buah universiti di negara kita, selain daripada ura-ura membina universiti keenam di Kedah. Bilangan mahasiswa-mahasiswi dalam tahun

1980 adalah 20,764 dan adalah dianggarkan akan mencapai bilangan 29,540 menjelang 1985.

Daripada 26,499 penuntut yang berjaya dalam STPM tahun lepas, hanya 5,000 yang dapat memasuki universiti. Ini bermakna bahawa 21,499 murid-murid yang berjaya dalam STPM ini adalah terbiar sahaja. Kerajaan mesti berusaha menyediakan peluang-peluang mengikut kursus-kursus diploma teknik dan sebagainya, kerana dalam sesebuah negara bagi setiap professional kita memerlukan empat hingga lima orang sub-professional. Ini juga bermakna bahawa bagi 29,540 orang mahasiswa-mahasiswi yang dijangkakan menjelang 1985, kita patut mempunyai empat kali ganda pemegang-pemegang diploma, iaitu sekurang-kurangnya 120,000 orang, walhal Rancangan Malaysia Keempat hanya menjangkakan 23,737 orang. Ini bermakna bahawa menjelang tahun 1985, kita akan kekurangan kira-kira 100,000 orang berkelayakan sub-professional ini. Juga, memandangkan keperluan gunatenaga negara ini menjelang 1990, selain daripada menambahkan kemudahan-kemudahan universiti-universiti yang sedia ada, kita memerlukan sekurang-kurangnya 10 buah universiti dan 40 kolej-kolej sub-professional yang bermutu di negara ini. Apa yang amat perlu di universiti-universiti tempatan adalah bahawa keupayaannya perlu dipergunakan sepenuhnya.

Timbalan Perdana Menteri pernah memberi jaminan bahawa Kerajaan akan memastikan bahawa bidang pelajaran tidak akan menjadi mangsa kemelesetan ekonomi. Malangnya, hakikatnya adalah berlainan di mana potongan elaun-elaun guru bahasa ibunda (POL) yang begitu tidak menasabah telah menjejaskan kelas-kelas ini. Peruntukan bagi kelas-kelas POL telah dikurangkan dari \$18 juta setahun sehingga hanya \$5 juta, suatu

langkah yang tidak didahului oleh keputusan Kabinet tetapi diumumkan begitu sahaja oleh Kementerian Pelajaran. Kononnya mengikut seorang Timbalan Menteri Pelajaran di dalam Parlimen, ianya hanya merupakan suatu perkara pentadbiran sahaja. Elaun guru-guru POL telah mengalami suatu pemotongan yang paling tidak menasabah dari \$20 hingga \$7 (bagi guru-guru kelulusan universiti) dan \$15 hingga \$5 (bagi guru-guru kelulusan kolej). Kerajaan telah menjimat hanya \$13 juta dalam hal ini, tetapi ianya telah menjejaskan banyak kelas-kelas POL di seluruh negara, termasuk hak-hak rakyat mempelajari bahasa ibunda.

Selain daripada ini, peruntukan bagi lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun telah dikurangkan dari \$7 kepada \$4 seorang murid terutamanya bagi sekolah menengah. Peruntukan bagi Rancangan Makanan Tambahan pula telah dikurangkan daripada \$48 juta kepada suatu angka yang tidak diumumkan oleh Kerajaan, tetapi dianggarkan kurang daripada \$20 juta. Akibat daripada pengurangan dalam LPBT, sekolah-sekolah terpaksa menanggung kesemua projek-projek mereka yang kecil serta penggantian alat-alat dengan sumber kewangan yang kian berkurangan. Terdapat sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan yang masih belum mempunyai bekalan air atau elektrik yang telah diberi tahu bahawa rancangan mereka terpaksa ditangguhkan kerana kemerosotan ekonomi. Kita adalah sampai ke tahap di mana potongan-potongan Kerajaan ini yang mempengaruhi pelajaran adalah difikirkan rasional berkesan, menasabah atau tidak.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Menteri bagi pihak Menteri Pelajaran memberitahu Dewan yang mulia ini bagi tahun lalu jumlah pengurangan peruntukan Pengerusan bagi universiti-universiti tempatan ialah \$46,432,600

kekurangannya dan pengurangan peruntukan pembangunan ialah \$76,384,910.

(Tuan Shamsuri bin Md. Salleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Jumlah Belanja Mengurus yang dikurangkan ialah \$150,176,590 dan sebanyak \$14,343,799 pula terlibat dalam pengurangan pembangunannya. Ini satu langkah yang pada pendapat saya tidak sewajar walaupun jaminan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah dibuat.

Tuan Yang Dipertua, kemiskinan di kalangan murid-murid sekolah di seluruh negara adalah menjadi satu hakikat dan kenyataan. Kadar kemiskinan adalah dianggarkan di antara 20%-30%. Selain daripada Laporan Murad 1972 mengenai keciciran murid-murid bagi sekolah-sekolah di luar bandar, Kementerian Pelajaran tidak mengadakan satu kajian menyeluruh mengenai masalah kemiskinan di sekolah-sekolah. Memandangkan betapa pentingnya murid-murid mendapat zat dan khasiat makanan, Kementerian Pelajaran hendaklah mengadakan suatu kajian yang menyeluruh.

Untuk menentukan murid-murid yang bersekolah mempunyai zat makanan supaya minat mereka dalam pelajaran tidak akan terjejas, pihak sekolah-sekolah mubaligh telah semenjak bertahun-tahun lamanya melaksanakan rancangan makanan tambahan bagi murid-murid miskin dari punca kewangan persendirian. Di sekolah yang lain, Kerajaan kita telah mengadakan rancangan makanan tambahan, kononnya dengan menggunakan perbagai strategi untuk memperbaiki mutu makanan tambahan di sekolah-sekolah rendah. Bagi tahun 1982, peruntukan untuk rancangan ini adalah seperti yang saya sebutkan tadi \$48 juta, tetapi sekarang

kita tidak dapat tahu lagi sama ada rancangan ini diteruskan ataupun tidak.

Semasa pelaksanaan rancangan makanan tambahan tidak diperlihatkan suatu projek susu sekolah anjuran bersama Kementerian Pelajaran dan sebuah syarikat swasta tempatan telah diumumkan sebagai salah satu strategi-strateginya. Projek ini telah bermula pada penggal persekolahan yang ketiga ini, yang kononnya akan tertumpu kepada aspek-aspek berikut:

- (a) meninggikan kesihatan dan kecergasan murid-murid sekolah;
- (b) pengendalian dan pengawasan yang berkesan dan licin;
- (c) keperluan untuk menjimat cermat serta konsep persyarikatan Malaysia.

Justeru itu, kanak-kanak sekolah diberikan surat pekeliling dan borang penyertaan daripada Kementerian Pelajaran. Kanak-kanak yang tidak berdosa ini memberitahu ibu bapa-ibu bapa mereka bahawa harga sekotak berharga 30 sen, walhal di pasaran luar ia adalah sekurang-kurangnya 70 sen sekotak. Psikologi kanak-kanak adalah sedemikian, perkara ini diperlihatkan sebagai suatu keuntungan yang besar.

Pada 16hb September, 1983, adalah dilaporkan bahawa susu yang berharga \$330,000 tersebut di atas yang sepatutnya mendatangkan manfaat kepada beribu-ribu murid sekolah telah menjadi basi setelah penyimpanan selama 14 bulan. Adalah dianggarkan bahawa pada kadar tiga kotak susu seminggu, stok ini dapat menyediakan bekalan susu untuk 10,000 murid sekolah selama setahun. Seperti menjadi tradisi di negara ini, tiada mana-mana pihak yang rela mengakui tanggungjawabnya: Kementerian Pelajaran mengatakan bahawa "susu masam" ini bukanlah sebahagian

daripada stok rancangan makanan tambahan, manakala Jabatan Haiwan menafikan tugas pengedaran susu adalah tanggungjawabnya. Akan tetapi, persoalan pokok adalah tetap mengapakah tiada penyelarasan antara kedua-dua badan ini, sehingga begitu banyak susu terpaksa dibazirkan dan Kementerian Pelajaran terpaksa meletakkan harga 30 sen sebagai sebahagian daripada projek susunya? Mengapakah rancangan projek susu sekolah tidak dimulakan awal-awal lagi pada penggal pertama supaya stok-stok Jabatan Haiwan tidak membazir dan harga 30 sen tidak perlu dikenakan? Jikalau benar bahawa stok ini adalah membazir kerana kemerosotan ekonomi, mengapakah kajian lebih teliti tidak diadakan sebelum tempahan stok susu diadakan?

Setakat ini, Tuan Yang Dipertua, hanya 2 perbekalan susu yang telah dijalankan di sekolah-sekolah bandar di mana kebanyakannya telah didapati masam. Ianya diberikan 2 kali seminggu, dan tidak tetap pula; sudah tentu ianya tidak sejajar dengan konsep Persyarikatan Malaysia dan melanggar aspek kedua mengenai pengendalian serta pengawasan yang berkesan dan licin. Adakah ini kerana sistem pengedaran yang buruk atau terdapat kekurangan-kekurangan dalam sistem pengeluarannya.

Pada tahun 1982, 881 guru-guru telah dimasukkan ke dalam Maktab Perguruan untuk mempelajari bahasa ibunda Tionghua; guru-guru ini akan dilatih mengajar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Akan tetapi, bilangan guru ini telah dikurangkan dari 881 kepada 455 orang guru. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran juga mendakwa bahawa masalah-masalah guru sementara di Sekolah Jenis Kebangsaan (Rendah) telah diselesaikan. Perangkaannya menunjukkan keadaan sebaliknya. Dalam 1981 terdapat 1568 guru

sementara dan pada tahun 1982 ini berkurangan kepada 617 orang. Dalam tahun 1983 pula, bilangannya sudah meningkat semula kepada lebih daripada 1500.

Pada pertengahan bulan November tahun ini, guru-guru ini akan diberi notis untuk berhenti untuk digantikan dengan graduan-graduan daripada maktab-maktab perguruan, kononnya 500 orang akan keluar daripada maktab tersebut yang akan dibahagikan di seluruh negara; mungkin negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan akan menerima 50-60 guru-guru lepasan maktab. Akan tetapi, terdapat lebih daripada 1,500 jawatan-jawatan kosong; masalah mengisikan tempat-tempat kosong ini akan dirumitkan lagi bila nisbah guru; kelas telah dinaikkan dari 1:1.2 kepada 1:1.5. Di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan terdapat 140 SRJK (Cina); kekosongan guru bagi tahun 1984 dianggarkan kira-kira 600. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan bilangan ini bertambah, termasuk penyaraan lebih awal dan bilangan murid bertambah dari setahun ke setahun. Walaupun Kementerian Pelajaran telah mencadangkan bahawa 990 orang guru akan diterima masuk ke dalam maktab-maktab Perguruan, akan tetapi, bilangan ini telah diturunkan, dan pasti tidak dapat menampung 1,500 tempat kosong, malah akan meninggalkan kekurangan lebih daripada 1,000 guru-guru. Jadi berapakah bilangan guru-guru ini akan diterima masuk ke dalam maktab-maktab perguruan dalam tahun 1984? Walaupun sebilangan lebih besar diterima, mereka hanya dapat berkhidmat selepas 3 tahun, dalam masa mana masalahnya tetap akan berterusan. Saya mencadangkan bahawa bilangan guru-guru bahasa ke dalam maktab-maktab perguruan mesti ditambahkan dan latihan dalam perkhidmatan semasa cuti persekolahan mesti diteruskan lagi.

Tuan Yang Dipertua, semasa kemakmuran ringgit petroleum pada lewat 1970an, Malaysia telah mengembangkan perkhidmatan awamnya, memainkan peranan-peranan pengawasan Kerajaan dan memasuki dunia perniagaan dengan menubuhkan badan-badan berkanun. Hari ini, perbelanjaan ke atas sektor awam sebagai persatuan KNK Malaysia adalah di antara yang tertinggi di dunia. Kekurangan belanjawan sektor awam sebagai sebahagian daripada KNK telah naik daripada 8.7% bagi tahun 1979 kepada 26.3% bagi tahun 1982 dan 23.3% bagi tahun 1983. Penglibatan sektor awam di dalam KNK dalam tahun 1983 pula adalah 40%.

Beban Kerajaan dalam menanggung badan-badan berkanun juga adalah amat besar, seperti dalam tahun 1982 di mana PERNAS telah menerima \$562 juta dari Kerajaan, MIDF-\$65 juta, MISC-\$445 juta dan badan-badan seperti MARDEC dan Bank Pertanian Malaysia-\$613 juta. Beban ini lebih-lebih dirasakan apabila di antara hutang-hutang ini tidak diterima balik oleh Kerajaan. Sehingga akhir 1982, pinjaman kepada badan-badan awam yang belum dijelaskan telah berjumlah \$8.503 billion. Daripada jumlah ini, FELDA menghutang \$2,495 juta, UDA-\$799 juta, PERNAS-\$562 juta, MISC-\$445 juta dan MSE-\$128 juta.

Mengapakah jumlah wang yang begitu besar ini tidak dibayar balik? Setengah orang mendakwa bahawa badan-badan ini adalah menceburkan diri di dalam operasi-operasi persendirian. Dengan demikian, seperti syarikat-syarikat persendirian, ia tidak terbuka untuk diperiksa oleh orang awam. Oleh kerana Kerajaan didapati mempunyai bahagian terbesar atau di setengah kes-kes merupakan pihak yang memberi pinjaman yang terbesar, saya mencadangkan bahawa Ketua Akauntan Negara, Ketua Odit Negara

dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara diberi kuasa untuk menyeliaan aktiviti-aktiviti kewangan badan-badan tersebut.

Bank Negara telah menekankan bahawa kurangan Belanjawan sektor awam yang begitu tinggi mewujudkan bahaya-bahaya (over-heating). Ia juga menambahkan pergantungan Kerajaan ke atas pinjaman-pinjamannya, terutama sekali pinjaman-pinjaman pasaran luar negeri. Oleh kerana kemerosotan ekonomi simpanan-simpanan di dalam negeri telah menjadi kering kontang.

Tuan Yang Dipertua, untuk menghadapi kerumitan-kerumitan yang saya sebutkan tadi, Kerajaan bercadang akan menumpukan perhatian ke atas sektor swasta sebagai suatu penyelesaian yang realistik. Setakat ini, walaupun beberapa kenyataan dan seminar telah dianjurkan oleh Kerajaan 2M, makna sebenar di banyak bidang konsep penswastaan adalah masih kabur. Menurut Kerajaan, beberapa isu berhubung dengan penswastaan akan selesai dan garis-garis panduan utama dirumuskan menjelang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima. Sementara itu, pelbagai isu telah timbul; setengah pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dan peniaga-peniaga telah menyoal kebijaksanaan dan viability penswastaan. Apakah kos melepas penswastaan? Mungkinkah ianya menolak harga-harga pengguna ke tahap yang terlalu tinggi, terutama sekali jika wujud monopoli barangan? Mungkinkah terdapat usahawan-usahawan yang rela menanggung beban agensi-agensi yang telah mengalami kerugian buat beberapa lama? Apakah yang akan terjadi kepada tenaga kerja yang terpaksa dibuang kerja akibat penswastaan?

Tuan Yang Dipertua, pada tempoh hari, saya beritahu bahawa "Containerization" di Pelabuhan Kelang akan diswastakan dan saya

berharap pihak yang berkenaan menyasat sama ada dakwaan ini benar ataupun tidak. Ura-ura penswastaan ini telah kedengaran akan diberikan kepada komponen-komponen parti pemerintah. Salah satu daripada ura-ura ini adalah bahawa syarikat Tung dari Hong Kong, Koperasi UMNO Bersatu, Koperatif Serbaguna dan Maika Holdings akan mengendalikan penswastaan ini. Sekiranya ini benar, ia bermakna bahawa manfaat-manfaat yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan akan dinikmati oleh parti politik ini yang terlibat, suatu perkara yang adalah paling tidak wajar.

Tuan Yang Dipertua, kerana perumahan dan pembinaan adalah sektor yang terpenting, Kerajaan seharusnya berasa gembira kerana pengusaha-pengusaha dapat melabur di dalam sesuatu yang konkrit, iaitu di dalam alat-alat binaan berat yang diperlukan di dalam negeri. Penarikan balik Elaun Susutan dipercepatkan bagi alat-alat binaan berat serta pengenaan duti import sebanyak 10% ke atasnya adalah suatu langkah yang tidak wajar. Walaupun pada umumnya, kadar pertumbuhan bidang pembinaan adalah dikatakan sederhana, akan tetapi pertumbuhan dkekalkan terutamanya dengan pembinaan bangunan-bangunan bukan kediaman swasta yang aktif, termasuk hotel, ruang pejabat, kompleks-kompleks beli belah dan kilang-kilang. Ini tentu tidak akan menguntungkan rakyat biasa yang berpendapatan rendah secara langsung.

Mengikut Persatuan Pemaju-pemaju Rumah, pada kadar penjuan Kerajaan, keperluan-keperluan perumahan yang dianggarkan dalam Rancangan Malaysia Keempat tidak akan dicapai dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat. Walaupun sejumlah \$340 juta adalah disediakan untuk projek-projek perumahan kos rendah untuk 25,600 unit dalam tahun 1984, ianya adalah

jauh tidak mencukupi. Kegiatan pembinaan rumah kediaman swasta dijangka berkembang dengan lebih perlahan dalam tahun 1983 di mana ia diramal bertambah sebanyak 5.4% berbanding dengan 28% dalam tahun 1982. Dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat, bilangan rumah yang siap dibina adalah dianggarkan hanya 27% daripada sasaran sebanyak 923,300 unit. Satu faktor utama kelembapan pembinaan rumah kediaman swasta adalah dikatakan perubahan struktur penawaran ke arah pembinaan rumah kos rendah dan sederhana di mana permintaannya adalah lebih tinggi. Sebab yang sebenarnya adalah bahawa sektor pembinaan masih menghadapi masalah kekurangan buruh mahir, kos pembiayaan projek yang tinggi serta masalah pentadbiran pihak-pihak berkuasa tertentu dalam memperketatkan kelulusan pengeluaran hakmilik dan pelan pembinaan. Juga, jelaslah bahawa prioriti Kerajaan adalah terletak pada pembinaan hotel-hotel baru seperti Shangri-la, Ming Court, Pan Pacific, Imbi Tower, Holiday Inn dan Hotel Oriental, selain daripada kompleks Dayabumi, bangunan ibu pejabat UMNO, Malayan Banking dan Sime Darby.

Menurut ke semua Rancangan-rancangan Lima Tahun Malaysia, matlamat Kerajaan terhadap perumahan adalah untuk memastikan semua orang Malaysia, khususnya golongan berpendapatan rendah akan mendapat perumahan yang cukup. Untuk tujuan ini, peruntukan perumahan oleh sektor awam adalah dianggarkan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$3,399.12 juta, di mana \$1,000 juta adalah diperuntukkan bagi Skim Perumahan Kos Rendah Awam dan \$39 juta untuk Skim Perumahan Kos Rendah yang lain. Akan tetapi, pada tahun 1982, Perbelanjaan Pembangunan Persekutuan untuk

kegiatan-kegiatan pembinaan sektor awam telah dijadualkan semula dari \$11.2 billion (1982) kepada \$10.2 billion (1983). Akibatnya, pelaburan ke atas kemudahan-kemudahan infrastruktur oleh Kerajaan Persekutuan akan dikurangkan. Penjadualan semula peruntukan sektor pembinaan serta kecuaiian Kerajaan terhadap keperluan-keperluan perumahan istimewa bagi orang-orang berpendapatan rendah telah menjejaskan matlamat Rancangan Malaysia Keempat. Oleh itu, sekali lagi saya mendesak Kerajaan supaya mengubah sikap kecuaiian ini agar kembali ke pangkal jalan untuk mengotai janji perumahan yang tercatat di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang Dipertua, peruntukan yang dicadangkan bagi Kementerian Pertanian adalah sebanyak \$342 juta, iaitu pertambahan \$24 juta atau 7% daripada tahun 1983, untuk Anggaran Perbelanjaan Mengurus. Bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan pula, peruntukan yang dicadangkan berjumlah \$1,320 juta; jumlah keseluruhannya adalah \$1,667 juta.

Dari jumlah di atas, \$178 juta akan diperuntukkan bagi program sokongan harga padi, \$795 juta mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan kepada para petani dan nelayan, \$510 juta untuk pembangunan tanah termasuk FELDA dan FELCRA, dan \$82 juta bagi perbelanjaan pentadbiran RISDA. Bagi RISDA, walaupun terdapat usaha-usaha untuk mengemaskinkan pentadbiran RISDA, hasilnya belum dapat diperlihatkan setakat ini. Kelesapan \$150 juta dari Tabung Ses RISDA masih belum dikesani. Rakyat berhak mengetahui apa yang terjadi kepada jumlah wang ini, selain daripada penyelewengan-penyelewengan lain yang berlaku dalam RISDA.

Cadangan-cadangan tersebut tidak akan mendorong pertumbuhan sektor pertanian, terutamanya pertanian makanan. Malaysia mengimport jumlah makanan sebanyak \$3 billion (1981) dan \$3 billion (1982) dan dianggarkan turun kepada \$2.9 billion (1983). Misalnya dari tahun 1981, Malaysia mengimport buah-buahan sebanyak \$400 juta, daging dan binatang-binatang untuk makanan—\$187 juta, susu dan bahan-bahan tenusu—\$358 juta, ikan—\$166 juta, beras—\$289 juta, gandum—\$240 juta, bijian-bijian lain—\$420 juta dan gula—\$512 juta.

Sejak kemerdekaan 26 tahun yang lepas, kita tidak mempunyai suatu Dasar Pertanian Nasional. Pada tempoh hari, ura-ura penggubalan dasar ini telah kedengaran. Memandangkan makanan adalah penting bagi strategi jangka panjang negara, dan kita mempunyai 30-40% tanah yang boleh digunakan untuk tanaman makanan, kita seharusnya mengenalpastikan makanan dan industri-industri berdasarkan makanan yang sesuai untuk dimajukan di negara ini. Matlamatnya ialah, negara kita mesti mencapai tahap berdikari bagi bekalan makanan, terutamanya di dalam keadaan-keadaan mala petaka seperti perang, atau sekatan-sekatan terhadap perjalanan-perjalanan perairan. Di negara ini, skop untuk pengeluaran makanan adalah masih cerah lagi, dengan permintaan untuk makanan yang akan meningkat kerana pertambahan bilangan penduduk. Adalah perlu untuk menjadikan pengeluaran makanan tempatan tersebut cukup berdikari. Selain daripada Rancangan Buku Hijau yang senantiasa mati serta hidup semula itu, kita memerlukan suatu Dasar Pertanian Kebangsaan yang menyeluruh, moden serta realistik.

Tuan Yang Dipertua, Angka Tunjuk Harga Pengguna tidak berubah dengan banyaknya kecuai

bagi kesihatan dan rawatan perubatan, di mana ia telah meningkat 15% bagi tahun 1983. Ini berlaku sebelum penswastaaan dilaksanakan. Sebanyak \$956 juta dari Perbelanjaan Mengurus telah disediakan untuk membanyakkan kemudahan-kemudahan kesihatan yang bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan bagi memperbaiki taraf kesihatan rakyat keseluruhannya. Dari Anggaran Perbelanjaan Pembangunan pula, \$170 juta adalah diperuntukkan bagi 10 buah hospital baru, 40 buah pusat kesihatan dan klinik desa, dan meningkatkan kemudahan-kemudahan perubatan yang penting di 18 hospital yang ada.

Adalah dikatakan bahawa Kerajaan tidak boleh lagi terus menerus menanggung beban mengadakan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan akan terus menggalakkan sektor swasta untuk menyediakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan. Satu cara adalah dengan memperluaskan Elaun Susutan dipercepat untuk meliputi alat-alat perubatan, alat-alat hospital dan pergigian. Semua doktor-doktor di dalam sektor swasta mengalu-alukan langkah Kerajaan ini.

Soal pokok ialah, adakah Kerajaan sanggup mengurangkan tanggungjawabnya ke atas kesihatan rakyat, dengan adanya penswastaaan dan galakan-galakan bagi sektor swasta? Saya tidak akan mendalami hal ini pada hari ini, tetapi akan berbuat demikian semasa perbincangan dalam Jawatankuasa. Memadailah untuk mengatakan bahawa Kerajaan mesti mempertimbangkan perkara penswastaaan dengan lebih teliti dan

mendalam. Adakah penswastaaan bilik-bilik pembedahan dan wad-wad kelas satu bermakna segolongan kecil doktor pakar akan menggunakannya untuk mencetak wang?

Tuan Yang Dipertua, pada ketika ini, imbalan bayaran negara adalah buruk; perbelanjaan sektor awam terpaksa dikurangkan. Anggaran perbelanjaan bagi tahun 1983 telah dikurangkan sebanyak \$3 billion. Dengan kempen jimat cermat yang dijalankan oleh Kerajaan 2M, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri serta Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan hendaklah menonjolkan contoh-contoh yang baik.

Pada tahun yang lepas, saya telah mencadangkan bahawa perbelanjaan cuti seberang laut bagi Menteri-menteri dihentikan dengan serta-merta. Setiap Menteri berhak memperoleh cuti seberang iaitu 2 kali setahun, bersama-sama dengan keluarganya. Perbelanjaan perjalanan dan elaun \$200 sehari adalah ditanggung oleh Kerajaan. Sekiranya bilangan dalam keluarga seorang Menteri itu adalah 5 orang, jumlah perbelanjaan bagi bercuti di seberang laut bagi keluarga tersebut adalah sekurang-kurangnya \$30,000. Pada kadar 2 kali setahun, jumlahnya adalah \$60,000. Pada ketika ini, tanggungan rakyat untuk seorang Menteri telah meningkat dari \$20,000 sebulan kepada \$30,000. Semasa rakyat mengalami kesusahan kerana kemerosotan ekonomi dan penyalahurusan sumber-sumber asli, adalah tidak wajar bagi setiap Menteri diselubungi dengan kemakmuran. Saya mengesyorkan supaya elaun-elaun yang keterlaluan ke atas Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dipotong dengan serta-merta, sejajar dengan konsep "Kepimpinan Melalui Teladan".

Akan tetapi, Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tidak menunjukkan sebarang teladan yang boleh dicontohi. Beliau memperolehi sebuah kereta Daimler berharga kira-kira \$300,000 bebas dari tax (jika cukai terpaksa dibayar, kosnya mungkin meningkat ke \$500,000). Beliau juga telah memboroskan lebih daripada \$20 juta ke atas Kediaman Rasmi Perdana Menteri. Pada 10hb Oktober, 1983 Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh telah menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa jumlah perbelanjaan bagi "Seri Perdana" adalah \$11 juta, akan tetapi nampaknya butir-butiran yang lain mungkin tidak dimasukkan ke dalam perhitungannya.

Sebagai misalnya 3 buah rumah di kaki Bukit Seri Perdana yang telah diambilalih oleh Kerajaan dirobuhkan dan dijadikan suatu tempat letak kereta. Jumlah perbelanjaan untuk membeli ketiga-tiga buah rumah tersebut mungkin adalah \$2 juta dan jumlah perbelanjaan bagi merobuhkan ketiga-tiga rumah dan mendirikan sebuah medan letak kereta adalah setengah juta ringgit.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, dengan kemerosotan ekonomi dan penyalahgunaan wang rakyat dan penyalah urusan sumber-sumber asli yang keterlaluan, saya berharap Kerajaan sentiasa berwaspada akan hakiki bahawa negara kita memerlukan satu sistem accountability yang sempurna untuk mengelakkan berlakunya keterlaluan-keterlaluan seperti BMF. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:**  
Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

4.32 ptg.

**Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut membahaskan Belanjawan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 21hb Oktober, 1983 dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, pada saat sekarang, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sen di Bukit Mertajam terpaksa meminjam dan menggunakan kemudahan bilik darjah kepunyaan Sekolah Menengah Private Jit Sen kerana kekurangan bilik darjah. Buat beberapa tahun kebelakangan ini bilangan murid SMJK Jit Sen telah berlipat ganda tahun demi tahun. Keadaan serupa ini telah menimbulkan masalah kekurangan bilik darjah di mana kedua-dua sekolah ini terpaksa menggunakan bangunan sekolah yang sama. Memandangkan seriusnya masalah ini, orang kenamaan Negeri Pulau Pinang, dermawan Dato' Lim King Kim telah tampil ke hadapan dan menderma setapak tanah. Luasnya lebihkurang 6 ekar di Taman Seri Rambai bagi pembinaan semula SMJK Jit Sen. Berekoran daripada itu, Lembaga Jemaah Sekolah Jit Sen pun telah menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi merancang pembinaan sekolah ini. Pelan sekolah baru pun telah siap sedia dan anggaran perbelanjaan pembinaan sekolah baru dijangka dalam lingkungan \$8 juta.

Tuan Yang Dipertua, bilangan penduduk di bandar Bukit Mertajam telah semakin bertambah banyak akibat pembinaan beribu-ribu unit rumah baru dalam kawasan Bukit Mertajam, akhirnya kemudahan Sekolah-sekolah Rendah Cina tidak

dapat menampung keperluan bilangan murid yang akan memasuki sekolah itu.

Taman Seri Rambai merupakan satu skim perumahan raksasa di Bukit Mertajam. Lebihkurang 1,800 unit rumah baru telah siap dibina. Kebanyakan penduduk-penduduk baru yang berpindah ke taman perumahan ini adalah berasal dari tempat-tempat luar seperti Nibong Tebal dan Simpang Empat di Seberang Perai Selatan. Di samping itu, majoriti pembeli-pembeli rumah baru itu adalah rakyat keturunan Cina. Maka sudah tentu kebanyakan mereka akan berhajat dan berminat menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Cina.

Berhampiran dengan Taman Seri Rambai ialah SRJK Chow Kuang di Bukit Kechil. Kini bilik darjah SRJK Chow Kuang didapati dalam keadaan buruk dan tidak sesuai lagi digunakan bagi pengajaran murid-murid. Lembaga Jemaah sekolah ini adalah memandang jauh dan dengan tidak teragak-agak lagi telah mengambil tindakan yang sewajarnya dan untuk memperluaskan dan memperbanyakkan bilik darjah Sekolah Chow Kuang telah siap sedia. Boleh dikatakan segala-galanya telah siap diselesaikan kecuali hal kewangan. Anggaran perbelanjaan bagi Sekolah Chow Kuang dijangka dalam lingkungan \$800,000.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah tidak ketinggalan dalamnya usaha untuk memupuk perpaduan rakyat dalam negeri ini. Adalah diharapkan cita-cita yang mulia ini akan tercapai. Dengan Kerajaan menunjukkan kesanggupannya untuk membantu SMJK Jit Sin dan SRJK Chow Kuang, Ibubapa yang menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah Cina adalah

pembayar cukai. Kerajaan seharusnya tidak boleh menimbulkan perasaan di kalangan rakyat bahawa Kerajaan adalah berat sebelah dalam bantuannya terhadap sekolah-sekolah di negeri kita. Kerajaan sepatutnya berkewajipan memberi layanan dan bantuan kewangan yang sama banyak kepada semua jenis sekolah di negara kita.

Tuan Yang Dipertua, dalam Dewan yang mulia ini ingin saya meminta Kerajaan menyalurkan bantuan kewangan kepada kedua-dua sekolah ini ke Bukit Mertajam. Mungkin Kerajaan tidak mampu menanggung segala perbelanjaan iaitu \$8 juta dan \$800,000 bagi SMJK Jit Sin dan SRJK Chow Kuang masing-masing, tetapi sekiranya jawatankuasa pembinaan sekolah dapat mengutip derma sebanyak setengah daripada angka perbelanjaan itu, Kerajaan haruslah bertanggungjawab membangun baki jumlah perbelanjaan itu atau membantu pada asas \$1 bagi \$1. Permintaan saya adalah adil dan saksama. Diharap pihak Kerajaan akan bertindak atas permintaan ini demi kepentingan dan faedah kanak-kanak sekolah.

Tuan Yang Dipertua, bilangan penduduk dan kenderaan yang berlipat ganda telah mengakibatkan masalah kesesakan lalulintas di bandar Bukit Mertajam. Jalan-jalan di Bukit Mertajam kelihatan sempit dan pendek. Tidak dinafikan keadaan jalan serupa ini adalah merupakan sebab utama yang mengakibatkan kesesakan lalulintas. Di samping itu, kenderaan-kenderaan dari kawasan luar yang tidak bertujuan memasuki bandar Bukit Mertajam terpaksa melaluinya kerana tidak ada lain-lain jalan ke luar. Bukankah ini pun

menyebabkan kesesakan lalulintas. Cara menyelesaikan kesesakan lalulintas di Bukit Mertajam termasuklah cara-cara melebarkan jalan-jalan yang wujud sekarang dan membina sebatang dua jalan baru lagi bagi kenderaan yang ingin melancong bandar itu.

Tuan Yang Dipertua, setakat ini saya tidak tahu sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengabaikan masalah kesesakan lalulintas di Bukit Mertajam, atau tidak kemampuan membina jalan baharu dan memperbaiki jalan-jalan atau ia bersalah atas kedua-duanya. Di sini ingin saya merayu kepada pihak Kerajaan Pusat jangan lambat mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap masalah ini. Satu jawatankuasa khas harus ditubuhkan untuk mengkaji masalah kesesakan lalulintas di Bukit Mertajam dan recommend cara sesuai kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar tindakan lanjut dapat diambil. Sekiranya dirasakan perlu Kerajaan Pusat hendaklah menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

Tuan Yang Dipertua, kesabaran rakyat terhadap Jabatan Telekom adalah terbatas. Jabatan Telekom didapati menggorek jalan di meratarata tempat untuk menanam cable. Biasanya disebabkan kelalaian sesuatu pihak tempat korek tidak dipasang dengan lampu isyarat atau papan tanda yang sesuai pada waktu malam. Keadaan ini telah mengakibatkan banyak pengguna jalan raya tercedera atau terkorban. Malahan sesuatu yang dipentingkan terdapat Jabatan Telekom ialah selepas selesainya kerja menanam cable tempat korek itu tidak diturap dengan sempurna. Keadaan ini dibiarkan buat beberapa lama yang mungkin dan tindakan menurap

tempat korek itu cuma diambil apabila tuduhan kejam dibuat oleh para pengguna jalanraya. Sikap Jabatan Telekom adalah bercorak tidak bertanggungjawab. Jabatan Telekom pada keseluruhannya kelihatan tidak hidup dan tidak mati. Adakah tindakan begitu Jabatan Telekom selaras dengan konsep kecekapan yang digambarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional?

Tuan Yang Dipertua, semasa menggorek jalan bagi sesuatu projek adakah pihak Jabatan Telekom menginginkan konfrantasi dari pihak pengguna jalanraya? Keadaan konfrantasi mungkin timbul melainkan Jabatan Telekom memberi jaminan hitam putih bahawa sebaik-baik sahaja sesuatu projek telah diselesaikan tempat korek itu akan diturap dengan sempurna. Selagi perasaan dan bantahan rakyat tidak diindahkan oleh pihak Jabatan Telekom, konfrantasi mungkin timbul dan ia akan memalukan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedang melancarkan konsep pentadbiran yang bercorak Bersih, Cekap dan Amanah tetapi malangnya pihak Jabatan Telekom semasa menggorek jalan serta menanam cable telah mencemarkan usaha dan hasrat Kerajaan yang berdasarkan kepada konsep ini.

Tuan Yang Dipertua, rakyat di seluruh negeri menyambut baik seruan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos agar bersikap tolerance semasa Jabatan Telekom menggorek jalan serta menanam cable dan bersabar terhadap kesusahpayahan yang dihadapi buat sementara waktu. Rakyat faham dan tahu keadaan ini. Tetapi rakyat cuma meminta Jabatan

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia telah menyuarakan rasa dukacita pihak Kerajaan mengenai kegagalan beberapa buah bank perdagangan yang tidak menurunkan kadar faedah pinjaman mereka seperti yang diharapkan oleh Kerajaan. Walaupun bank-bank berkenaan mempunyai mudahtunai yang banyak, tetapi bank-bank itu masih mengamalkan dasar yang terlalu ketat ketika mempertimbangkan pinjaman-pinjaman dari dalam negeri.

Perlu ditegaskan di sini bahawa pinjaman-pinjaman dalam negeri yang mempunyai cagaran-cagaran yang sangat berpatutan adalah kurang atau langsung tidak mendatangkan risiko kepada bank-bank tersebut, tetapi pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada peminjam di luar negeri, risikonya amatlah besar dan pinjaman-pinjaman tadi tidak boleh dikutip semula.

Dalam hubungan ini saya mengucapkan tahniah dan penghargaan yang ikhlas kepada Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang sentiasa mengetuai bank-bank lain dalam Malaysia untuk memberikan pinjaman-pinjaman untuk pelaburan dalam negeri. Saya berharap peristiwa malang yang dihadapi oleh salah sebuah anak syarikat Bank Bumiputra iaitu Bumiputera Malaysia Finance di Hongkong itu tidak akan berulang lagi dan peristiwa itu tidak pula mengganggu kelancaran pelaksanaan dasar pihak Bank Bumiputra memberikan pinjaman-pinjaman untuk pelaburan dalam negeri.

Saya juga berharap bahawa manamana juga bank di Malaysia yang didapati mengamalkan dasar ketat

mengenai pemberian pinjaman-pinjaman dalam negeri maka Kerajaan mestilah mengarahkan Bank Negara untuk memastikan supaya semua institusi kewangan itu sentiasa bersifat lebih, dengan izin, "accomodative" terhadap pinjaman-pinjaman dalam negeri supaya projek-projek yang menguntungkan yang terdapat di seluruh Malaysia dan diusahakan oleh usahawan-usahawan Malaysia boleh memperolehi kemudahan-kemudahan pinjaman yang mereka perlukan untuk memulakan ataupun memperbesarkan operasi perniagaan-perniagaan mereka.

Bank Negara juga patut diberi kuasa yang lebih luas dan kuat supaya Bank Negara boleh mengawasi dan memeriksa semua bank dalam Malaysia yang menghantar wang mereka ke cawangan-cawangan mereka di luar negeri. Dengan adanya kuasa Bank Negara seperti ini, maka adalah diharapkan Bank Negara boleh mencegah berulangnya peristiwa sedih Bumiputra Malaysia Finance di Hongkong itu.

Saya dapati juga bahawa Kerajaan menempatkan peniaga-peniaga dan syarikat-syarikat dalam Malaysia dalam keadaan yang kurang menyenangkan apabila mereka terpaksa mendapat pinjaman kewangan daripada luar negeri. Di Malaysia sekarang peminjam-peminjam wang yang terpaksa meminjam daripada luar negeri dikenakan satu jenis cukai iaitu, dengan izin, "Withholding Tax". Pinjaman yang serupa tidak pula dikenakan cukai di negara-negara lain dalam ASEAN.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya peniaga-peniaga dan syarikat-syarikat dalam Malaysia tidak

dikenakan "Withholding Tax" ini. Cadangan ini adalah juga selaras dengan amalan biasa negara-negara dalam rantau ini dan saya yakin langkah ini tentulah selaras dengan konsep persyarikatan Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya sangat sedih mendapati bahawa jumlah besar wang simpanan nasional kita adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan jumlah besar wang pelaburan dalam negeri. Dalam muka surat 100 Laporan Ekonomi 1983-1984 adalah diramalkan bahawa jumlah besar wang simpanan nasional kita akan meningkat ke paras jumlah sebanyak \$18,912 juta dalam tahun 1984. Jumlah kasar wang pelaburan dalam negeri kita pula adalah dijangkakan sampai ke paras jumlah \$23,474 juta. Perbezaan di antara jumlah simpanan wang nasional dan jumlah wang pelaburan dalam negeri ialah \$4,562 iaitu 6.5% daripada jumlah Pengeluaran Kasar Negara, atau dengan izin, Gross National Product. Jika kita perbandingkan pula kedua-dua angka tadi dengan angka bagi tahun 1983, kita akan dapati bahawa jumlah besar wang simpanan nasional hanyalah berjumlah \$14,777 juta, jumlah kasar wang pelaburan dalam negeri ialah \$21,330 juta. Dengan itu perbezaan di antara kedua-dua angka ini akan menunjukkan current account deficit, dengan izin, berjumlah \$6,560 juta dalam imbangan pembayaran negara kita.

Rakyat Malaysia telah diyakinkan oleh kerajaan bahawa langkah-langkah telahpun diambil untuk meminjam wang daripada luar negeri untuk menghapuskan deficit yang berjumlah \$6,560 juta itu. Walaupun langkah ini nampaknya akan berkesan untuk sementara waktu, Saya sangatlah bimbang mendapati bahawa

anggaran deficit bagi tahun 1984 ialah \$4,562 juta. Dalam keadaan begini, soalan saya ialah adakah jumlah deficit yang begitu besar boleh juga kita hapuskan dengan cara meminjam wang daripada luar negeri? Jika jawapan kepada soalan ini ialah ya, maka soalan saya yang berikut pula ialah berapakah anggaran jumlah pinjaman wang kita daripada luar negeri yang belum berbayar pada akhir tahun 1984 nanti?

Nampaknya kita sentiasa mendapati bahawa jumlah hutang negara kita adalah sentiasa bertambah dengan pesatnya kerana kegagalan kita menyamakan jumlah peruntukan simpanan nasional, atau dengan izin, Gross Nasional Savings, hampir dekat dengan jumlah wang peruntukan bagi pelaburan dalam negeri atau Gross Domestic Investment. Jika perbezaan jumlah Gross National Savings dan Gross Domestic Investment ini dibiarkan berterusan sehingga 10 tahun lagi dari sekarang, maka kita akan mendapati "Government-Foreign borrowing" dengan izin, yang berlanjutan dan hutang negara yang bertimbun-timbun mungkin mencapai jumlah lebih \$50,000 juta tidak termasuk bayaran faedah dan kos kewangan. Sehingga pada 11-10-1983 pun Kerajaan kita telah meminjam wang daripada luar negeri berjumlah \$14.09 ribu juta.

Kerajaan nampaknya mengharapkan sangat bahawa kenaikan harga bahan-bahan pertanian dan perlombongan serta barang-barang buatan untuk eksport boleh menambahkan pendapatan negara kita. Kenaikan jumlah pendapatan ini memang boleh membantu Kerajaan membayar balik pinjaman-pinjaman dan bayaran faedah dan kos ke atas pinjaman-pinjaman Kerajaan daripada luar

negeri. Walau bagaimanapun, memandangkan ketidakpastiannya ramalan-ramalan seumpama ini yang ada kaitannya dengan pergolakan ekonomi dunia, saya memanglah sangat risau mengenai perkara ini. Jika ekonomi kita gagal mempertahankan kedudukannya yang ada sekarang dan harga bahan-bahan eksport kita turun, apakah yang akan terjadi kepada kita nanti? Pada perhitungan saya adalah lebih selamat bagi kita untuk menambah wang simpanan nasional dan mengurangkan jumlah perbezaan dengan wang pelaburan dalam negeri.

Dalam muka surat 131 Laporan Kementerian Kewangan, beberapa cadangan untuk mengatasi masalah ini telah disebut dan diuraikan seperti berikut:

- (1) mewujudkan keadaan dalam mana jumlah wang simpanan nasional dan jumlah wang pelaburan dalam negeri akan diperseimbangkan.
- (2) menggalakkan lagi pertumbuhan jumlah simpanan wang dalam negeri tetapi malangnya tidak ada petunjuk yang dinyatakan dalam cadangan-cadangan ini mengenai cara apa Kerajaan kita boleh mencapai matlamat-matlamat yang baik ini.

Saya berpendapat bahawa salah satu cara mencapai matlamat Kerajaan di dalam perkara ini ialah memberikan beberapa jenis tax incentives, dengan izin, kepada individu-individu dan syarikat-syarikat yang melabur dengan cara membeli bon Kerajaan. Satu skim "superannuation" patutlah diwujudkan dan individu-individu serta syarikat-syarikat yang menyertai skim ini haruslah diberikan potongan cukai pendapatan daripada skim ini.

Tuan Yang Dipertua, pada masa ini banyak wang dalam tangan individu-individu dan syarikat-syarikat dalam negeri ini yang boleh diperolehi bagi kegunaan pelaburan dalam negeri. Keadaan ini jelas terbukti kerana setiap kali ada Public Share Issue, saham-saham ini kena "over-subscribed" sehingga melebihi 10 kali ganda. Memandangkan keadaan ini, sukaiah saya mencadangkan supaya bayaran faedah yang diperolehi oleh syarikat-syarikat yang melabur dalam bon Kerajaan haruslah dikecualikan daripada bayaran cukai, Jumlah susutan ataupun kehilangan kutipan cukai daripada mereka yang saya sebutkan tadi adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah penambahan wang kepada Kerajaan melalui kutipan daripada pelaburan mereka ini dalam bon Kerajaan.

Kita haruslah menyedari bahawa "tax-free on Government Investment Bond", dengan izin, adalah satu jenis pelaburan yang lebih menarik minat pelabur-pelabur, jika dibandingkan dengan minat mereka kepada pelaburan dalam pembangunan pertanian atau perindustrian yang mungkin menghadapi risiko yang besar dan jumlah pulangan pelaburan yang rendah.

Skim superannuation mendatangkan faedah kepada pekerja, majikan dan juga Kerajaan. Banyak negara-negara lain telah menggalakkan penggunaan skim ini sebagai satu cara untuk menambahkan lagi jumlah simpanan kewangan dalam negeri. Jika kerajaan kita boleh mewujudkan garis-garis panduan mengenai skim ini untuk kegunaan syarikat-syarikat di Malaysia, memberikan skim ini kepada eksekutif-eksekutif dan pekerja-pekerja mereka, maka skim ini tentulah menjadi satu lagi punca

penambahan kewangan dalam Malaysia. Galakan-galakan cukai haruslah diwujudkan untuk menggalakkan syarikat-syarikat menggunakan skim ini sebagai tambahan kepada commitment mereka untuk membayar EPF kepada Kerajaan.

Di negeri-negeri yang sudah maju bayaran-bayaran skim super-annuation ini selalunya dilaburkan melalui syarikat-syarikat insuran nyawa. Kerajaan boleh menerima pelaburan daripada syarikat-syarikat insuran nyawa ini yang menggunakan akaun super-annuation mereka untuk membeli bon Kerajaan dan dengan itu Kerajaan akan memperolehi lagi tambahan jumlah simpanan kewangan dalam negeri.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang sentiasa diperakui oleh Kerajaan, pertanian akan terus menjadi asas utama ekonomi negara kita. Dengan itu penubuhan Bank Pertanian Malaysia tentulah mempunyai matlamat untuk membantu memperkembangkan dan memperkuat lagi asas ini.

Jumlah peruntukan pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan kepada Bank Pertanian bagi tahun 1969 hingga 1980 adalah kira-kira \$125 juta. Mulai tahun 1981 Kerajaan telah mengarahkan Bank Pertanian supaya melaksanakan satu skim pinjaman istimewa iaitu pinjaman-pinjaman yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dengan bayaran faedah pada kadar 0% dan menyusun semula masyarakat dengan kadar bayaran faedah sebanyak 2%. Lanjutan dari arahan ini Kerajaan telah menyediakan tiga jenis peruntukan kepada Bank Pertanian untuk melaksanakan skim ini, iaitu:

- (1) peruntukan pinjaman berjumlah \$70 juta bagi tahun 1981 hingga 1983;

- (2) peruntukan bagi Belanja Mengurus sebanyak \$50 juta bagi tahun 1981 hingga 1983; dan
- (3) dan sebanyak \$3 juta untuk Belanja Modal.

Prestasi pelaksanaan rancangan-rancangan pinjaman Bank Pertanian bagi tempoh 1981 hingga 1983 adalah sangat menggalakkan terutama sekali bagi kategori pinjaman skim istimewa itu. Bank Pertanian telah mengeluarkan pinjaman istimewa berjumlah kira-kira \$232 juta berbanding dengan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan berjumlah hanya \$68 juta. Ini bererti Bank Pertanian terpaksa mengeluarkan wangnya sendiri sebanyak \$164 juta melebihi daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan. Sebab utama wujudnya keadaan ini ialah kerana permintaan untuk pinjaman istimewa ini datang mencurah-curah daripada orangramai kerana bayaran faedah 0% dan 2% setahun ini adalah bayaran kadar pinjaman faedah yang terendah sekali.

Tuan Yang Dipertua, di seluruh negeri Sabah sahaja 5.3 juta ekar tanah adalah sesuai untuk pertanian dan 2 juta ekar daripadanya telahpun diberikan. Sejumlah 353,000 ekar lagi telah juga disediakan oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk pekebun-pekebun kecil dan di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri sahaja sebanyak 133,000 ekar telah juga diperuntukkan kepada pekebun-pekebun kecil. Kesemua mereka ini tentulah memerlukan bantuan pinjaman daripada Bank Pertanian Malaysia. Oleh itu saya suka mencadangkan supaya:

- (1) Kerajaan Pusat patutlah mengadakan peruntukan yang memenuhi keperluan sebenar Bank Pertanian Malaysia;

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Pusat sentiasa memperakui bahawa tenaga elektrik dan bekalan air adalah amat mustahak bagi perkembangan industri dan pemodenan kawasan-kawasan luar bandar, sebab itulah Kerajaan memperuntukkan sejumlah \$759 juta bagi pembangunan elektrik dan sejumlah \$619 juta bagi bekalan air.

Dalam sidang belanjawan tahun 1980, 1981 dan 1982 saya telah merayu kepada Kerajaan Pusat untuk membina sebuah ampangan di hulu Sungai Kinabatangan. Kerajaan Jepun melalui Japan International Corporation Agency telah menghantar pakar-pakarnya ke Sungai Kinabatangan.

Saya sangatlah berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana ekoran daripada rayuan-rayuan saya ini, maka dalam laporan awal yang bertajuk "Kinabatangan River Basin Development Project Interim Report 1981" (Japan International Corporation Agency) itu telah mencadangkan kepada Kerajaan Malaysia supaya Kerajaan kita membina sebuah ampangan di Kampung Balat, Sungai Kinabatangan untuk memperolehi faedah-faedah seperti berikut:

1. Membendung air banjir untuk mengelakkan kawasan-kawasan rendah daripada dilanda banjir setiap tahun;
2. Punca bekalan air untuk seluruh Pantai Timur dan Selatan Negeri Sabah;
3. Punca hydro-power untuk bekalan tenaga letrik ke seluruh kawasan Pantai Timur dan Selatan Negeri Sabah;
4. Pembendungan air sungai Kinabatangan oleh ampangan yang dicadangkan itu akan menambahkan lagi beratus-ratus

ribu ekar tanah pertanian yang sesuai, yang pada masa ini sentiasa dilanda banjir.

Saya merayu lagi kepada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan pembinaan ampangan di Sungai Kinabatangan bagi memperolehi keempat-empat faedah yang maha besar, yang saya telah sebutkan sebentar tadi. Kerajaan Malaysia haruslah berunding dengan Kerajaan atau sektor swasta Jepun supaya memberi bantuan secara grant ataupun pinjaman bagi membiayai pembinaan ampangan ini sebagai balasan mereka kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia yang telah memberikan banyak peluang-peluang perniagaan dan perdagangan yang besar-besar kepada rakyat Jepun di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, sektor perumahan telah terhimpit dengan teruknya oleh keadaan kemelesetan ekonomi dunia dan telah mengharapkan serba-sedikit bantuan daripada Kerajaan.

Dalam tahun 1983, Kementerian ini telah diperuntukkan sejumlah \$627.1 juta untuk pembangunan perumahan. Pada tahun 1984 pula peruntukan ini telah dikurangkan keparas \$340.3 juta sahaja. Kerajaan telah menyatakan bahawa terdapat keengganan pemaju industri pembinaan untuk membuka kawasan-kawasan perumahan kos rendah walaupun permintaan untuk memiliki rumah-rumah kos rendah adalah sangat banyak. Kebanyakan pemaju-pemaju perumahan berpendapat bahawa oleh kerana harga menyediakan infrastruktur utama untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah adalah tinggi, berbanding dengan harga murah penjualan yunit-yunit rumah kos rendah itu maka mereka akan mengalami kerugian ke atas projek-projek ini. Jikalauh Kerajaan boleh menawarkan bantuan dengan membiayai bersama pemaju, belanja penyediaan infrastruktur utama, bagi kawasan rumah-rumah

rangkaian nasional adalah terhad iaitu cuma 20 minit. Ini tidak mengizinkan berita-berita dari wilayah Sabah dan Sarawak disiarkan, kalau ada pun, ianya hanya dianggap sekadar berita yang kurang penting.

Pendekatan (approach) berita nasional sendiri tidak dapat memenuhi keperluan rakyat di Sabah dan Sarawak kerana:

- (i) ia cuma sempat menyiarkan berita-berita untuk kepentingan nasional;
- (ii) ia juga terpaksa menyiarkan lebih banyak berita-berita dari wilayah Semenanjung Malaysia;
- (iii) rakyat di wilayah Sabah dan Sarawak memerlukan pendekatan liputan berita yang berbentuk pembelajaran dan tauladan yakni berita-berita yang dapat membantu ke arah mempertinggi lagi pengetahuan mereka di segi pembangunan sosio-ekonomi tempatan;
- (iv) Rakyat di Sabah dan Sarawak memerlukan berita-berita yang akan berlaku tentang pembangunan di negeri-negeri itu dan bukannya berita-berita yang telah berlaku seperti yang dikehendaki oleh penonton-penonton TV di peringkat nasional.

Jangka masa bagi siaran berita wilayah dari Sabah dan Sarawak tidak dapat ditentukan di ruang siaran berita nasional. Liputan berita semasa, yang dirakamkan di Wilayah Sabah dan Sarawak, lewat diterima oleh Angkasapuri, untuk siaran di berita nasional kerana masalah perhubungan dan dengan itu maka:

- (i) timbul pula masalah keutamaan berita tersebut, masa dan kandungannya.

- (ii) berita-berita wilayah yang lewat disiarkan, timbul pula istilah berita basi atau "stale news".

Dengan kepesatan teknologi moden, penghantaran berita melalui satelite, merupakan satu cara yang paling mudah. Tetapi penghantaran berita serupa ini di dalam negara kita amatlah tidak praktikal dilakukan, kerana satu bahan berita yang dihantar melalui satellite mengikut kadar bayaran sekarang, ialah kira-kira \$1,000 untuk satu bahan berita. Ini juga bergantung kepada jangka masa bahan berita tersebut. Feedback, rakyat di Sabah dan Sarawak merasakan berita yang disiarkan di TV Malaysia rangkaian nasional cuma menyiarkan berita dari luar negeri yang begitu asing kepada mereka. Berita wilayah Semenanjung Malaysia pula juga menerima nasib yang sama kerana segelintir sahaja rakyat di Sabah dan Sarawak yang berpeluang memahami perkembangan kemajuan di wilayah-wilayah lain dalam Malaysia.

Pada masa ini TV Malaysia rangkaian ketiga menerbitkan 20 buah rancangan-rancangan tempatan, Negeri Sabah menerbitkan 11 buah rancangan dan Sarawak pula menerbitkan 9 buah rancangan. Ini tidak termasuk siaran Berita selama 15 minit. Pada keseluruhannya rancangan-rancangan tempatan ini menumpukan perhatian ke arah mempertingkatkan pengetahuan masyarakat setempat seperti juga pendekatan yang dibuat oleh siaran Berita yang diperkatakan awal-awal tadi. Walaupun demikian, nilai-nilai ke arah integerasi nasional juga disalurkan melalui rancangan-rancangan di TV Malaysia rangkaian ketiga ini. Di Sabah dan Sarawak rancangan pertanian menitikberatkan bagaimana hendak menambah tanaman-tanaman yang menguntungkan untuk mempertingkatkan taraf hidup

penduduk di luar bandar. Ini timbul di Negeri Sabah dan Sarawak yang baru sahaja menjejak kaki ke arah perindustrian pertanian walhal saudara-saudara kami di Semenanjung, perindustrian pertanian memang sudah lama terkenal. Dengan ini Wilayah Sabah dan Sarawak masih memerlukan satu siaran TV yang dapat memuatkan rancangan-rancangan untuk memenuhi selera tempatan dan juga nasional. Jangka masa yang terhad menimbulkan masalah ruangan siaran untuk rancangan-rancangan tempatan mengenai Sabah dan Sarawak.

Sumbangan yang berbentuk rancangan yang sudah siap sedia untuk terbitan tempatan, akan pasti dipotong, kerana isi kandungan dan jangka masa yang kurang yang terdapat pada TV siaran nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan para kakitangan penerbitan TV Malaysia rangkaian ketiga di Sabah dan Sarawak belum dapat diselaraskan dengan rakan-rakan mereka di Semenanjung. Usaha-usaha penyelarasan ini telah cuba dibuat sejak terlancarnya Laporan Jawatankuasa Kabinet (CCR) pada tahun 1976 tetapi sehingga masa ini penyelarasan tersebut masih belum dibuat. Dengan kelambatan ini menyebabkan integrasi perkhidmatan tidak tercapai. Umpamanya sekim perlantikan, nama-nama jawatan berbeza di Sabah, Sarawak dan Semenanjung, taraf pegawai-pegawai pula berbeza-beza.

Dalam keadaan beginilah maka cita-cita murni Kerajaan ke arah mewujudkan dan mengekalkan integrasi nasional menerusi satu siaran TV mungkin tidak akan tercapai. Di negara-negara maju seperti di Jepun, Britain, Amerika, Canada dan lain-lain, Kerajaan menggalakkan penubuhan siaran TV Wilayah ke seluruh negara mereka. Negara Indonesia iaitu jiran kita yang paling dekat mempunyai

beberapa siaran TV Wilayah seperti di Jakarta, Sumatra, Surabaya, Makasar dan lain-lain. Filipina dan Negeri Thai juga mempunyai perkhidmatan siaran TV Wilayah. Mengapa pula Kerajaan kita harus menutup TV Malaysia rangkaian ketiga sebagai satu-satunya siaran TV Wilayah yang telah diwujudkan oleh Kerajaan lebih 10 tahun yang lalu?

Pada satu ketika dahulu, Kerajaan Pusat berpendapat siaran Wilayah TV Malaysia rangkaian ketiga harus diwujudkan. Tetapi apabila kita telah berada dipuncak kemajuan perkhidmatan ini mengapa pula Kerajaan bercadang menutup rancangan ini. Dari alasan-alasan yang dinyatakan tadi haruslah dipertimbangkan sedalam-dalamnya ura-ura Kerajaan untuk menutup rangkaian ketiga TV Malaysia di Sabah dan Sarawak. Rakyat di Sabah dan Sarawak mahu siaran rangkaian ketiga ini terus dikekalkan.

Dalam proses kemajuan media elektronik, Kerajaan harus memikirkan persaingan siaran TV Malaysia dengan siaran TV negara-negara jiran yang mana Sabah dan Sarawak adalah terletak di satu kawasan yang stratijik lebih-lebih lagi dari segi keselamatan negara. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan, bagi pihak rakyat Malaysia di wilayah Sabah dan Sarawak, supaya siaran rancangan TV Malaysia rangkaian ketiga ini tidak dibatalkan, tetapi diteruskan perkhidmatannya untuk selamanya, dengan hanya membuat pengubahsuaian yang perlu kepada mana-mana rancangan-rancangan dari masa ke semasa.

Sebagai tambahan kepada usaha-usaha kita mempercepatkan pengwujudan dan keteguhan integrasi nasional adalah lebih baik jika rancangan-rancangan TV Malaysia rangkaian ketiga dipancarkan juga keseluruh negara supaya semua rakyat

Malaysia di Semenanjung dapat pula mengikuti kemajuan-kemajuan pembangunan dan meluaskan lagi pengetahuan mereka mengenai keadaan-keadaan tempatan dan penduduk-penduduk di negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ketahui belum ada seorang pun rakyat Malaysia di mana-mana pun dalam negara ini yang telah dilaporkan mati kerana kelaparan. Ini bermakna jika sekiranya rakyat Malaysia sentiasa rajin berusaha dan mengekalkan perpaduan rakyat di negara ini, maka selagi itulah kita semua, dan jenerasi-jenerasi Malaysia yang akan datang, terus hidup dalam keadaan aman, makmur, kuat dan bersatu padu untuk selama-lamanya.

Di negeri Sabah tempo pembangunan di negeri itu di bawah pentadbiran Kerajaan Parti BERJAYA pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Harris Mohd. Salleh, sangatlah pesat dan teratur. Sebagai bukti, kita di Sabah sekarang mendapati sukar, untuk mendapatkan pekerja-pekerja yang cukup bekerja, di ladang-ladang sektor pertanian dan perindustrian.

Oleh kerana Kerajaan Negeri Sabah sekarang ini adalah sangat receptive dan penuh bertimbangrasa kepada rayuan-rayuan rakyat, untuk mendapatkan rancangan-rancangan pembangunan di kawasan-kawasan mereka, yang telah terbiar dalam masa pemerintahan Kerajaan yang lama, maka Kerajaan negeri Sabah, tentulah memerlukan perhatian dan bantuan peruntukan kewangan yang mencukupi daripada Kerajaan Pusat, untuk membolehkan Kerajaan Negeri menunaikan seberapa banyak permohonan pembangunan ini.

Saya menyedari bahawa Kerajaan Pusat juga mempunyai beban kewangan yang berat untuk membahagi-bahagikan peruntukan

kewangan secara adil kepada semua negeri-negeri di seluruh Malaysia. Saya juga menyedari bahawa Kerajaan Pusat menghadapi masalah memperoleh peruntukan-peruntukan kewangan ini kerana kemelesetan ekonomi di dunia yang berlaku sekarang.

Oleh kerana rayuan-rayuan untuk mendapatkan projek-projek pembangunan, terutama sekali yang berbentuk kemudahan-kemudahan asas, seperti perubahan, jalan-jalanraya, bekalan api dan air daripada penduduk-penduduk Sabah, terutama mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar sangatlah berpatutan, dan patut ditunaikan secepat secepatnya, maka perlulah Kerajaan Negeri Sabah memperoleh tambahan hasil dalam negeri itu, bagi menunaikan permintaan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar tadi.

Tuan Yang Dipertua, pada tahun yang lalu di Dewan yang mulia ini, saya pernah membuat rayuan kepada Kerajaan Pusat supaya menaikkan kadar bayaran royalty minyak, yang diperolehi daripada Negeri Sabah, daripada kadar 5% kepada 10% bagi maksud membiayai permohonan-permohonan pembangunan di Negeri Sabah. Bagi pihak semua rakyat Malaysia di Sabah, saya dengan perasaan penuh ikhlas dan tanggungjawab, mengemukakan sekali lagi permohonan yang sama kepada Kerajaan Pusat, supaya Kerajaan Negeri Sabah bolehlah menunaikan permintaan-permintaan rakyat di sana seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Saya juga mencadangkan kepada pihak PETRONAS supaya memperhebatkan lagi usaha-usaha carigali minyak di Pantai Timur Negeri Sabah, terutama di kawasan perairan Residensi Sandakan. Pada awal tahun tujuh puluhan beberapa buah syarikat daripada Negeri Perancis telah

mengadakan usaha-usaha yang sama, tetapi malangnya, laporan mereka mengenai hasil usaha-usaha mereka itu telah dirahsiakan dan tidak disampaikan kepada pengetahuan umum.

Tuan Yang Dipertua, walaupun keadaan ekonomi dunia masih meleset dan menggugat serta menghancurkan pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi di beberapa buah negara di dunia, dan juga di rantau ini, dan ada pula di antara negara-negara ini, yang terpaksa menurunkan nilai mata wang mereka untuk beberapa kali, tetapi pertumbuhan ekonomi Malaysia masih juga boleh mencapai pertumbuhan pada kadar 6% dalam tahun 1984, iaitu kira-kira 3 kali ganda lebih banyak daripada kadar pertumbuhan ekonomi negara Britain. Nilai mata wang Ringgit kita pula akan meningkat naik bersama-sama dengan nilai mata wang Dollar Amerika dan mata wang Yen Jepun. Memandangkan keadaan ini, maka semua lapisan rakyat Malaysia perlulah meningkatkan lagi daya usaha (productivity) mereka untuk mempertahankan dan mempertingkatkan lagi kemakmuran negara ini. Oleh itu saya suka mencadangkan supaya Kerajaan menimbangankan untuk mewajibkan semua pejabat-pejabat Kerajaan, pejabat-pejabat perniagaan, kilang-kilang industri dan institusi-institusi pengajian bekerja 6 hari seminggu dan bukannya 5 hari setengah sahaja seperti yang terdapat pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua, berkat sokongan penuh rakyat kepada dasar-dasar Barisan Nasional dan juga kepada anggota-anggota pucuk pimpinan Barisan Nasional, maka berpeluanglah saya berkhidmat sekali lagi menjadi Ahli Dewan yang mulia ini bagi tempoh Penggal yang Kedua. Dalam masa yang singkat itu saya dapati bahawa ada beberapa Ahli Dewan yang mulia ini, terutama sekali daripada pihak parti Pembangkang

yang melafazkan hujah-hujah mereka dengan bentuk perwatakan yang ganas dan penyampaian hujah-hujah mereka pula adalah terlalu emotional. Keadaan-keadaan ini menjadikan Dewan yang mulia ini nampaknya menjadi seolah-olah sebagai sebuah panggung drama ataupun panggung sarkas.

Oleh itu saya dengan hati yang penuh tulus ikhlas merayu kepada semua pemimpin-pemimpin Kerajaan, wakil-wakil Rakyat, pegawai-pegawai Kerajaan, ahli-ahli pendidik, ahli-ahli perniagaan, ahli-ahli profesional, wartawan-wartawan dan rakyat jelata sekalian, supaya kita sama-sama dapat bekerjasama di antara satu sama lain, sebagai satu pasukan, dalam sebuah keluarga Malaysia, yang teguh setia, menerima dan menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk terus menjayakan aspirasi kebangsaan kita.

Memandangkan keadaan kestabilan politik, kestabilan pentadbiran dan kestabilan ekonomi negara ini, maka saya dengan hati yang tulus ikhlas dan sukacita mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Pusat pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dibantu oleh rakan-rakannya dalam Kabinet Kerajaan Persekutuan sekarang kerana telah berjaya mewujudkan keadaan-keadaan yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya dengan ini melafazkan sokongan penuh saya kepada Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1984.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Saratok.

6.07 ptg.

**Tuan Edmund Langgu Anak Saga (Saratok):** Tuan Yang Dipertua, dalam perbahasan Budget untuk tahun 1984 ini izinkan saya kali ini untuk

menumpukan perhatian khususnya kepada satu isu yang selalu diperbincangkan, sungguhpun demikian bagi kami di Sarawak isu inilah yang paling penting sekali. Isu yang saya maksudkan ialah persoalan kemiskinan, khususnya kemiskinan di luar bandar beserta kaitannya dengan kaum Dayak di Negeri Sarawak.

Sebagai permulaan, janganlah kita mengeneipkan kejayaan negara kita secara menyeluruh yang telah berjaya untuk mengurangkan kemiskinan di negara ini. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai banyak sumber asli. Kita dikenali di seluruh dunia sebagai pengeluar utama bijih timah, gas asli, getah, lada dan lain-lain keluaran bahan asli. Pada masa-masa lampau di atas kekuatan ekonomi kita tenaga manusia yang ada dan juga dasar Kerajaan yang sesuai, negara kita telah maju begitu pesat sekali menghadapi cabaran-cabaran abad ini. Rakyat di negara yang dicintai ini telah dapat menikmati berbagai kemudahan dan perkhidmatan dengan adanya pengembelian tenaga di antara Kerajaan dan rakyat.

Dari tahun 1970 sehingga 1980 adalah difahamkan bahawa negara secara menyeluruh telah menyaksikan kekurangan kemiskinan dari 49% kepada 29%. Kejayaan ini sungguh mengejutkan dan agensi-agensi yang bertanggungjawab patut diberi penghargaan ke atas segala jasa mereka itu. Sungguhpun demikian, di samping kita bersyukur dengan kemajuan yang saya sebutkan tadi janganlah pula kita lupa bahawa di dalam negara yang dicintai ini ada juga kawasan yang nampaknya telah ketinggalan di dalam perjuangan kita membasmi kemiskinan. Bahagian negara yang saya maksudkan ketinggalan ini terpisah dari segi geographi dan demographi dari Semenanjung Malaysia.

Secara menyeluruh, kemiskinan di Malaysia adalah mudah untuk dikenali. Sebagai misalan, angka kemiskinan di negara ini yang didapati diterima bagi tahun 1976 adalah 37.7%. Bagi tahun yang sama, peratus kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia sahaja ialah 3.1%. Kemiskinan dapat ditakrifkan secara menyeluruh sebagai satu-satunya masalah manusia di mana kedua-dua penghuni-penghuni bandar dan juga desa menghayatinya, akan tetapi di sinilah persamaannya tamat. Ini adalah disebabkan dari kedua-dua kumpulan itu penghuni-penghuni bandarlah yang duduk di tahap yang lebih sesuai untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Mereka mempunyai atau patutnya mempunyai organisasi mutlak beserta pengetahuan untuk mengetahui bahawa faktor-faktor seperti pekerjaan dan perkhidmatan diberi dengan tujuan untuk mengurangkan punca-punca kemiskinan. Kawasan-kawasan bandar adalah tumpuan berkuasa Kerajaan. Faktor inilah yang memberi sumbangan untuk menyenangkan urusan membasmi kemiskinan di kawasan-kawasan bandar.

Kenyataan yang ingin saya bangkitkan di sini ialah seperti mana Sarawak yang mana merupakan satu kawasan yang bermasyarakat luar bandar. Kemiskinan juga adalah sebenarnya berleluasa di kawasan-kawasan desa. Bahawasanya Sarawak adalah negeri yang sebenar-benarnya bermasyarakat luar bandar tidaklah dapat dinafikan. Penduduk-penduduk Sarawak tinggal berkelompok-kelompok di seluruh pelusuk negeri akan tetapi ianya mempunyai hanya 4 kawasan bandar besar sahaja iaitu di Kuching, Sibu, Miri dan juga di Bintulu. Di pusat-pusat bandar ini sekurang-kurangnya ada harapan bahawa perjuangan menentang kemiskinan giat diteruskan. Ini adalah berikutan dari bukan sahaja berbagai

projek-projek dan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan dan pihak swasta bahkan juga disebabkan berjalan lancarnya Dasar Ekonomi Baru.

Selain dari itu pusat-pusat bandar ini iaitu di antara pusat-pusat ini letaknya tersusun luas kawasan luar bandar atau desa Sarawak yang secara amnya diduduki dengan kepadatan penduduk yang agak rendah. Gambaran kemiskinan yang menyeluruh di sekitar kawasan desa ini sungguh menyedihkan. Di kawasan-kawasan luar bandar inilah kemiskinan sebenarnya wujud dengan begitu ketara sekali. Di sinilah semadi kebuntuan ekonomi. Dalam tahun 1976 hanya dua daripada tiga penghuni desa dianggap miskin. Ini bermakna dalam keluarga 6 orang, 4 orang misalnya kedua-dua ibubapa dan 2 orang anak dianggap miskin. Tidak seperti saudara mereka di kawasan bandar, di desa ini secara amnya tidaklah banyak kegiatan-kegiatan ekonomi atau projek-projek yang dijalankan yang dapat mengubati penyakit kemiskinan dengan cepat.

Tuan Yang Dipertua, pembasmian kemiskinan adalah satu-satunya matlamat Kerajaan yang utama. Dengan berasaskan kepada kenyataan ini sahaja Kerajaan perlu mempergiatkan usahanya untuk membasmikan kemiskinan di Sarawak. Faktor yang kedua yang perlu ditegaskan di sini ialah boleh dikatakan kesemua penghuni desa adalah Bumiputera khususnya Kaum Dayak. Kaum Dayak yang dimaksudkan ini ialah seperti Iban, Kayan, Kenyah, Bidayuh Kelabit dan sebagainya. 45% dari jumlah penduduk Sarawak terdiri dari golongan ini iaitu bangsa Dayak. Masalah kemiskinan yang saya telah jelaskan tadi adalah merupakan masalah bangsa Dayak. Ianya juga merupakan masalah desa yang penuh dengan pelbagai kekurangan serta keperluan hidup.

Tuan Yang Dipertua, saya merayu kepada Kerajaan untuk menjenguk semula akan masalah bangsa Dayak di Malaysia dengan tujuan untuk mencari jalan dan cara untuk membantu kaum ini. Asas rayuan ini adalah disebabkan 2 perkara:

- (1) kaum Dayak merupakan sebahagian dari golongan Bumiputera dan dengan demikian adalah wajar diberikan layanan dan pertimbangan seperti mana yang termaktub semasa Malaysia diwujudkan dan seterusnya dimeterikan di dalam Dasar Ekonomi Baru.
- (2) kebanyakan kaum Dayak adalah miskin dan memerlukan bantuan segera.

Akhir-akhir ini negeri Sarawak telah disaksikan beberapa perkembangan politik. Perkembangan yang paling ketara ialah wujudnya satu badan politik baru yang dikenali dengan nama Parti Bangsa Dayak Sarawak yang mana lanjutan dari itu diikuti pula dengan pertikaian yang melibatkan parti ini. Izinkan saya untuk memberi latarbelakang sejarah parti berkenaan ini.

Parti Bangsa Dayak Sarawak yang mana saya adalah salah seorang pengagasannya diwujudkan oleh satu kumpulan Ketua-ketua Dayak yang semuanya berpendapat bahawa masanya sudah sampai untuk kaum Dayak cuba menyuarakan hasrat serta masalah kaum Dayak melalui badan politik kaum Dayak sendiri. Langkah ini adalah bertujuan untuk tolong membawa rakyat dari golongan kaum Dayak ke arah pepaduan dan kemajuan negara. Fahamannya ialah apa-apa struktur politik terutama sekali yang secara samar-samar memperjuangkan hak-hak berbilang kaum tidak dapat membangkitkan sebenarnya masalah-masalah kaum Dayak untuk menarik perhatian pengubal-pengubal dasar.

Di bawah cara perjuangan berbilang kaum mereka yang ingin menerangkan isu-isu yang berkaitan dengan kaum Dayak di dalam konteks Bumiputera dan Dasar Ekonomi Baru tidak langsung dapat dilakukan demikian walaupun hanya di peringkat parti. Ini disebabkan mereka terpaksa mengharungi berbagai alat dan tatacara parti Dayak. Banyak cadangan-cadangan yang begitu penting seakali yang berkait dengan masalah-masalah kaum Dayak tidak dapat dikemukakan lebih dari tahap parti ini. Maklumlah bahawa masalah ini tidak langsung dapat disampaikan ke tahap Kerajaan Pusat ataupun ke tahap Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan. Bagi kaum-kaum Dayak, cara parti berbilang kaum sebenarnya membuktikan bahawa satu jenis perkauman wujud dengan membawa mudarat kepada kaum Dayak sendiri. Mereka yang telah maju dari segi ekonomi sahajalah yang dimaksudkan mendapat manfaat dengan cara parti berbilang kaum.

Usaha-usaha untuk melaksanakan polisi bahagi dan perintah (divide and rule) ke atas kaum yang sebenarnya sangat-sangat memerlukan pertolongan bagi membantu meninggikan ekonomi mereka telah sewenang-wenangnya terus dijalankan. Cara ini tidak dapat memenuhi cita-cita serta keperluan-keperluan kaum Dayak sama ada di peringkat masyarakat umum negeri, apatah lagi di peringkat negara.

Tuan Yang Dipertua, begitulah secara ringkas masalah yang didapati oleh pengasas-pengasas Parti Dayak Sarawak di dalam sistem yang asal.

Menyedari akan hakikat serta kekurangan tersebut maka pengasas-pengasas Parti Bangsa Dayak Sarawak terpaksa mencari jalan yang lain demi untuk memperjuangkan khususnya hak 45% rakyat di Sarawak. Dengan mempunyai 11 kerusi kawasan Negeri dan 7 kerusi di Dewan Parlimen yang

mulia ini diduduki oleh wakil Parti Bangsa Dayak Sarawak tidaklah dapat dinafikan lagi bahawa Parti Bangsa Dayak Sarawak ini, sebenarnya merupakan satu parti dayak. Tidak kurang pentingnya kepada negara secara menyeluruh ialah kenyataan bahawa dari segi prinsip, bentuk, kenyataan dan kandungannya Parti Bangsa Dayak Sarawak adalah parti yang sepenuhnya Barisan Nasional.

Ikrar Parti Bangsa Dayak Sarawak sebagai satu parti yang benar-benar mengikut lunas-lunas Barisan Nasional adalah ikrar yang sebenarnya. Ikrar ini telah beberapa kali disuarakan oleh ketua-ketua Parti Bangsa Dayak Sarawak untuk pengetahuan umum. Ini bermakna Parti Bangsa Dayak Sarawak ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu memperkuatkan Barisan Nasional khususnya di Sarawak.

Kita percaya bahawa mereka yang berjuang ke arah konsep berbilang kaum yang sebenarnya di mana sebagai kaum berpendapat mereka akan berpeluang untuk menyalurkan pandangan-pandangan mereka di bawah naungan Barisan Nasional seharusnya memahami dan menyokong perjuangan Parti Bangsa Dayak Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, masih ada segolongan manusia di dalam Barisan Nasional di negeri Sarawak yang sangat-sangat tidak setuju akan kemasukan Parti Bangsa Dayak Sarawak ke dalam Barisan Nasional. Kumpulan ini, sebenarnya menentang kemasukan wakil-wakil yang telah dilantik dengan sahnya oleh rakyat daripada memasuki Barisan Nasional. Kita sememangnya tidak tahu dengan sebenarnya akan sebab-sebab kumpulan ini menentang dengan begitu ketara sekali, kemasukan Parti Bangsa Dayak Sarawak ke dalam Barisan Nasional.

Dari segi sejarah mungkin ada perhubungan di antara dayak dengan puak ini. Perhubungan yang dimaksudkan itu adalah pada asasnya bertujuan untuk tolong-menolong antara satu sama lain. Fungsi kaum dayak terutama sekali ketua-ketua Parti Bangsa Dayak Sarawak adalah hanya untuk memberi sokongan atau mengukuhkan parti berkenaan sahaja, sementara kumpulan yang saya maksudkan itu memang kuasa sama ada di dalam parti. Dari perhubungan cara ini maka lahirlah satu keadaan di mana nampaknya membawa manfaat hanya kepada kumpulan yang pertama ini.

Dengan tekanan kemiskinan yang menggugat keupayaan orang-orang dayak sebagai pekerja-pekerja yang berkeupayaan sebagai pengusaha-pengusaha dan sebagai orang-orang yang memakan gaji maka datanglah kesedaran bahawa cara yang paling sesuai untuk memperjuangkan hak-hak dan masalah-masalah dayak adalah orang-orang dayak sendiri. Dengan hakikat ini Tuan Yang Dipertua, maka Parti Bangsa Dayak Sarawak ditubuhkan. Nampaknya bahawa apabila sahaja rakyat dayak hendak memberi suara atau pandangan yang bertujuan hanya untuk menumpang menikmati kemakmuran di negara yang kita cintai ini, maka timbulah kumpulan yang saya maksudkan itu tadi terus berusaha sedaya upaya mereka untuk menghalang cita-cita dan harapan dayak dari menjadi kenyataan.

Demi kepentingan mereka sendiri puak ini sanggup bertungkus-lumus, berusaha sedaya-upaya bagi menutup mulut serta perjuangan 45% dari rakyat Sarawak. Yang hanya meminta diberi hak sebagai rakyat khususnya sebagai bumiputera di negara kita ini.

Sesungguhnya sanggupkah kita hanya berpeluk tubuh mendiamkan diri sahaja melihat telatah puak ini cuba menghalang rakyat Malavsia

bangsa dayak daripada menuntut haknya dibumi yang kita cintai ini? Kaum-kaum lain di negara yang dicinta ini diwakili oleh parti mereka masing-masing. Tidaklah ada sebab yang menasabah untuk menafikan dayak hak mereka yang sebenarnya. Untuk cuba menutup peluang penglibatan secara langsung oleh golongan kaum bumiputera yang taat kepada negara, bermakna bermain dengan bahaya pengasas-pengasas yang menghalang kemasukan Parti Bangsa Dayak Sarawak seharusnya sedar tujuan mereka ini boleh membawa mudarat kepada negara.

Tuan Yang Dipertua, Barisan Nasional percaya bahawa semua kaum di negara ini sepatutnya dilibatkan dalam organisasi Barisan. Kaum dayak melalui Parti Bangsa Dayak Sarawak mahu menjadi sebahagian daripada organisasi Barisan Nasional.

Kaum dayak juga mahu bersama merasai nikmat pembangunan negara ini. Membesarkan mana-mana kumpulan untuk mencadangkan dan menghalang kemasukan Parti Bangsa Dayak Sarawak bermakna menghalang kemajuan Bangsa Dayak sebagai rakyat yang taat setia kepada bangsa dan negara kita dan menutup peluang mereka untuk perjuangan ke arah kestabilan negeri Sarawak khasnya dan negara kita pada amnya.

Akhir kata, Tuan Yang Dipertua, adalah bahaya ibarat bermain dengan api untuk kita atau siapa pun terus membiarkan kumpulan yang saya maksudkan itu terus menghalang bangsa dayak dari bersuara di buminya sendiri.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya juga akan menyentuh sedikit satu lagi perkara iaitu minor rural project. Dalam masa enam tahun yang lepas rakyat di Sarawak terlebih lagi mereka yang tinggal di luar bandar dan di kawasan yang terpencil kerana mereka tidak

pernah merasai facilities seperti jalan raya, jambatan, jeti-jeti, kebersihan tempatan, keadaan gereja, dan surau-surau kecil dengan alat-alatnya, balai raya dan lain-lain lagi. Telah nampak berpuas hati dengan bantuan Kerajaan melalui Ahli Parlimen yang mereka telah pilih untuk mewakili mereka di tempat masing-masing.

Dengan demikian skim seperti ini telah ditentukan memberi faedah kepada rakyat yang telah dilancarkan dengan cara yang baik di seluruh negeri Sarawak iaitu MP Fund. Tetapi oleh kerana kemerosotan ekonomi pada tahun ini bantuan itu telah diberhentikan atau ditarik balik oleh Kerajaan. Sebab itu kita semua tahu tetapi saya rasa kita di Malaysia negara yang banyak negeri yang belum cukup maju terlebih lagi negeri Sarawak, Kerajaan sepatutnya terpaksa terus menjalankan bantuan ini, MP Fund untuk minor rural project di sana yang sangat perlu kepada rakyat. Jikalau kita bandingkan kedudukan-kedudukan rakyat yang tinggal di kawasan yang terpencil atau di luar bandar, dengan rakan mereka yang tinggal di bandar, kita tahu atas keperluan untuk memberi keutamaan kepada minor

rural project atau MP Fund untuk membantu rakyat yang tidak berhak merasai buah kemerdekaan kita. Walaupun kita menghadapi kemerosotan ekonomi sekarang, saya minta Kerajaan Pusat menghidupkan semula skim MP Fund ini sekurang-kurangnya khas untuk negeri Sarawak yang kurang maju supaya Ahli-ahli Parlimen dapat membantu rakyat-rakyat miskin mengatasi masalah sosial mereka yang kita tidak dapat biarkan begitu sahaja.

Saya berharap Kerajaan dapat memberi pertimbangan atas perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih ada lima hari lagi untuk berbahas di dalam dasar. Saya agak banyak Ahli-ahli yang hendak berucap. Oleh itu, saya berharap Ahli-ahli hendaklah memendekkan ucapan masing-masing untuk membolehkan beberapa banyak Ahli yang berucap.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*